

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 5 APRIL 2011

CAWANGAN

PERUNDANGAN
PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8,10 HINGGA 68)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7 DAN 9

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

**SIDEK SANI
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARI PAD A DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN
 ABDULLAH [KOTA BAHARU]

TARIKH 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN 8

Dato' Haji Wan Abd Rahim Bin Wan Abdullah [Kota Baharu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status terkini kerja-kerja pembinaan memanjangkan landasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kerja-kerja menaiktaraf serta pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan dari 1,981 meter ke 2,400meter telah pun bermula pada 14 Jun 2010. Peratus kemajuan projek sehingga 25 Mac 2011 ialah 63.1% (sebenar) berbanding 57.86% (jadual), iaitu mendahului jadual sebanyak 5.24% (24 hari). Projek ini dijadualkan siap pada September tahun 2011.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HA]I AB. HALIM BIN AB.

RAHMAN

KAWASAN PENGKALAN CHEPA

TARIKH : 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN:

**Y.B. DATO' HA] I AB. HALIM BIN AB. RAHMAN (PENGKALAN
CHEPA) minta MENTERI KERJA RAYA**

menyatakan apakah projek lebuh raya Kuala Krai ke Kota Bharu telah
dibatalkan atau ditangguhkan, kalau tidak bilakah projek ini akan siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan *Central Spine* melibatkan Jalan Persekutuan Utama dari Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan Pembangunan 5 Tahun Kerajaan, iaitu bermula dari RMKe-10. Ini kerana kos bagi menaik taraf atau membina jalan baru di sepanjang Jalan *Central Spine* adalah sangat tinggi, iaitu dianggarkan melebihi RM6 bilion secara keseluruhannya sedangkan peruntukan Kerajaan pula adalah terhad dan perlu diagihkan secara optimum.

Sehubungan itu, Kerajaan telah memutuskan cadangan Projek Membina Jalan Baru dari Kuala Krai ke Kota Bharu, Kelantan - iaitu sebahagian dari laluan Jalan Persekutuan *Central Spine* - ditangguhkan pelaksanaannya dalam Tempoh Separuh Pertama RMKe-10. Ini untuk membolehkan Kerajaan meneliti semula skop dan kos faedah projek sebelum memutuskan perkara dasar berhubung pelaksanaan projek tersebut. Walau bagaimanapun, pakej-pakej lain untuk projek naik taraf Jalan *Central Spine* tidak terganggu dan akan diteruskan pelaksanaannya dalam RMKe-10. Sebagai contoh, projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT008 dari Gua Musang ke Kg. Relong, Pahang di bawah program Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER) telah hampir siap dilaksanakan, iaitu jangka siap pada 14 April 2011.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARI PADA

LISAN
Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI

(KUALA NERUS)

TARIKH : 05.04.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan jangka panjang ke arah memperkuuhkan Program Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah dalam usaha merealisasikan hasrat yang diputuskan Jawatankuasa Kabinet Anti Dadah pada 8 Februari 1983.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 19 Februari 1983, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara semasa melancarkan Hari Anti Dadah Kebangsaan. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah. Sasaran utama program ialah kepada murid, guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa.

Perancangan jangka panjang ke arah memperkuuh Program Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah dilaksanakan secara bersepada melalui enam strategi iaitu pencegahan, bimbingan dan pemulihan, pembangunan dan kemajuan sumber tenaga manusia, penerbitan dan publisiti, penyelidikan dan penilaian dan permuafakatan dan penyelaras. Kesemua strategi tersebut dilaksanakan melalui empat pendekatan iaitu Pengurusan dan Kepimpinan, Kurikulum, Kokurikulum dan Pembentukan Sahsiah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DR.MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ
TARIKH	NO. SOALAN :
SOALAN	5 APRIL 2011 (SELASA) 13

Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan pelajar kursus jururawat di setiap kolej swasta. Adakah Kementerian melakukan *market survey* untuk memastikan pelajar-pelajar ini akan ditawar kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010, enrolmen pelajar dalam bidang kejururawatan di semua IPTS adalah seramai 42,202 orang iaitu seramai 3,269 di IPTS bertaraf universiti, 15,158 orang di IPTS bertaraf kolej universiti dan 23,775 orang di IPTS bertaraf kolej.

Semua program pengajian yang hendak ditawarkan di IPT perlu mendapat kelulusan kementerian terlebih dahulu. Antara kriteria yang diambil kira untuk kelulusan ini adalah penyediaan kemudahan prasarana, tenaga pengajar mencukupi, kemudahan untuk membuat latihan klinikal dan graduannya *marketable*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI

TARIKH [SABAK BERNAM]
05.04.2011 (SELASA)

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan mengadakan kempen Hari Tanpa Plastik setiap hari Sabtu dalam usaha mengurangkan sisa bahan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menetapkan sasaran pengurangan beg plastik sebanyak 10% menjelang penghujung tahun 2011. Walau bagaimanapun, masih terlalu awal untuk mengukur kejayaan kempen ini memandangkan kempen ini baru dilaksanakan selama dua bulan. Namun begitu, maklumbalas awal yang di terima daripada pengguna menyatakan kempen ini adalah bagus dan dicadangkan supaya dipanjangkan kepada hari-hari lain dan tidak terhad kepada hari Sabtu sahaja.

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

(TELOK INTAN)

TARIKH

05.04.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan Kerajaan melaungkan slogan 1 Malaysia. Jika 1 Malaysia

- (a) mengapa sekolah Cina/Tamil masih dinamakan jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT); dan
- (b) mengapa masih terdapat lebih 370 buah sekolah Tamil yang masih bantuan modal sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Berdasarkan kepada Seksyen 2, 16, 17 dan 18, Akta Pendidikan 1996 Sekolah Jenis Kebangsaan ditafsirkan sebagai sekolah rendah Kerajaan atau sekolah rendah bantuan Kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun. Sekolah Jenis Kebangsaan menggunakan Bahasa Cina atau Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama selain menjadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib dan hendaklah menggunakan kurikulum kebangsaan.
- (b) Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan kategori sekolah kepada tiga, iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan

institusi pendidikan yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri Pelajaran. Sementara institusi pendidikan bantuan kerajaan pula adalah sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. Manakala institusi pendidikan swasta pula bermaksud sekolah atau institusi pendidikan yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan. Berdasarkan Akta yang sama juga, tidak ada sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah bantuan penuh mahupun sekolah bantuan modal. Sebaliknya kenyataan tentang bantuan adalah merujuk kepada sumbangan yang diterima oleh setiap sekolah atau institusi pendidikan. Sumbangan yang dimaksudkan terbahagi kepada dua jenis iaitu sumbangan bantuan dan sumbangan modal. Sumbangan bantuan, bermaksud apa-apa bayaran daripada wang awam, selain daripada sumbangan modal, yang dibuat kepada sesuatu institusi pendidikan. Manakala sumbangan modal pula bermaksud bayaran wang awam kepada sesuatu institusi pendidikan bagi:

- i. Mengadakan bangunan;
- ii. Mengubah atau menambah premis yang sedia ada;
- iii. Mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis baru, diubah atau ditambah; atau
- iv. Apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberikan sumbangan bantuan secara sama rata kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang meliputi peruntukan mengurus merangkumi emolument dan elauan guru, pemberian geran per kapita (PCG), peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P), bayaran utility, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan. Walau bagaimanapun, disebabkan milikan tanah bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang bukan dipunyai Kerajaan, dan bangunan sekolah bukannya dibina oleh Kerajaan maka sekolah ini tidak dikategorikan sebagai sekolah kerajaan (bantuan penuh). Oleh itu bagi tujuan mengadakan bangunan, mengubah premis dan mengadakan kelengkapan perabot dalam bangunan baru kepada sekolah-sekolah tersebut

adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah dan kemampuan semasa kewangan kerajaan.

Akta Pendidikan 1996 juga dengan jelas menerangkan status sesebuah sekolah. Dalam hal ini, Kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya menukar status sekolah yang bukan kepunyaan kerajaan melainkan pemilik tanah tersebut secara sukarela menyerahkannya kepada Kerajaan. Di samping itu, banyak aspek lain perlu diberikan perhatian terhadap dasar mengambil alih sekolah berkenaan seperti persetujuan semua ibu bapa, Lembaga Pengelola Sekolah dan PIBG; proses pengambil alihan tanah; penyediaan tapak dan pemilihan lokasi yang sesuai; serta kos pembinaan infrastruktur. Perkara yang lebih utama dalam hal ini adalah kemampuan kewangan Kerajaan untuk melaksanakan semua perkara-perkara tersebut. Perlu dijelaskan bahawa masih banyak sekolah Kerajaan khususnya di luar bandar dan pedalaman sangat memerlukan perhatian khusus, terutama dari segi pembangunan dan kemudahan fizikal.

Font : Verdana (16)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR.MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD (MUKAH)

TARIKH : 5APRIL 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah besar

kawasan tanah yang telah dirancangkan untuk perladangan kelapa sawit dan getah di bawah RISDA di Negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelt).

Soalan No: 15

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, fokus utama RISDA adalah menanam semula pokok getah tua dan yang tidak ekonomik dengan tanaman getah. Setakat ini RISDA masih belum mempunyai perancangan untuk membangunkan ladang sawit di Sarawak.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-10 (tahun 2011 hingga 2012) RISDA mensasarkan matlamat Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG) adalah seluas 2,450 hektar dengan peruntukan RM13 juta bagi tahun 2011 dan 3,500 hektar dengan peruntukan sebanyak RM19 juta bagi tahun 2012. Sehingga 31 Mac 2011, jumlah keseluruhan permohonan tanam semula yang diterima dari pekebun kecil dari seluruh Negeri Sarawak adalah 936 pemohonan berjumlah 1,742 hektar. Daripada jumlah ini, sebanyak 667 permohonan melibatkan

seluas 1,294 hektar telah diluluskan, manakala bakinya masih dalam pertimbangan.

Selain itu, RISDA juga telah diberi tanggungjawab sebagai agensi pelaksana bagi Pembangunan Ladang Sejahtera dengan tanaman getah di bawah Projek Lonjakan Mega Luar Bandar (Agropolitan) di Gunung Sadok, Ulu Awik, Seratok, Bahagian Betong dan di Nanga Sekuau, RASCOM, Sibu.

Bagi Projek Agropolitan Gunung Sadok, seluas 349 hektar tanah berstatus Hak Adat Bumiputra /*Native Customary Right* (NCR) akan dibangunkan melibatkan peruntukan sebanyak RM8 juta. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2010 dengan kerja-kerja mengukur tanah dan menentukan sempadan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak.

Bagi Projek Agropolitan RASCOM pula, seluas 641 hektar tanah akan dibangunkan dengan anggaran peruntukan sebanyak RM17 juta. Kerja-kerja pembangunan ladang di jangkakan bermula pertengahan tahun 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

N0:16

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN

16

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jumlah keuntungan serta pertumbuhan penumpang udara dan kargo di Lapangan Antarabangsa Bayan Lepas berbanding dengan lapangan terbang antarabangsa lain di Malaysia. Berapa banyak tanah yang diperlukan untuk syor pembesaran fasa dua selepas fasa pertama siap pada Jun tahun depan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) selaku operator bagi lapangan terbang merupakan syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia. Oleh yang demikian, pihak MAHB hanya boleh mendedahkan maklumat-maklumat yang telah dikemukakan kepada Bursa Saham Malaysia. Sehubungan dengan itu, jumlah keuntungan bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) berbanding jumlah keuntungan lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain tidak dapat didedahkan kerana maklumat tersebut tidak dikemukakan kepada Bursa Saham Malaysia.

Manakala, kadar pertumbuhan penumpang bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) berbanding dengan lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain di Malaysia secara purata daripada tahun 2001 hingga tahun 2010 adalah seperti berikut:

	Lapangan Terbang Antarabangsa Purata		Pertumbuhan Penumpang (%)
(i)	Bayan Lepas, Pulau Pinang	=	4.93
(ii)	KLIA	=	8.91
(iii)	Kota Kinabalu	=	5.52
(iv)	Kuching	=	3.91
(v)	Langkawi	=	4.30
(vi)	Senai, Johor Bahru	=	6.64

Kadar pertumbuhan kargo udara bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) berbanding lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain di Malaysia secara purata daripada tahun 2001 hingga tahun 2010 adalah seperti berikut:

	Lapangan Terbang Antarabangsa		Purata Pertumbuhan Kargo (%)
(i)	Bayan Lepas, Pulau Pinang	=	- 0.82
(ii)	KLIA	=	3.35
(iii)	Kota Kinabalu	=	0.80
(iv)	Kuching	=	2.05
(v)	Langkawi	=	4.11
(vi)	Senai , Johor Baru	=	2.77

Berkenaan keluasan tanah yang diperlukan untuk Fasa ke-2 bagi cadangan pembangunan dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang, adalah dimaklumkan bahawa Fasa ke-2 masih dalam peringkat perancangan. Oleh yang demikian, keluasan sebenar tanah yang diperlukan untuk projek pembesaran pada fasa ini masih belum dapat ditentukan.

SOALAN NO : 17
PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA : YB DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
(RANAU)

TARIKH : **05.4.2011**

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa buah kampung dengan peruntukan yang disediakan untuk pelaksanaan dalam tahun 2011 terutama sekali bekalan tenaga elektrik dan bekalan air di luar bandar di kawasan P. 179 Ranau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2011 Kementerian diperuntukkan sejumlah RM706.5 juta untuk pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di negeri Sabah dan daripada jumlah tersebut RM27.53 juta diperuntukkan khusus untuk kawasan Parlimen Ranau. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek dijangka akan dimulakan pada bulan Mei 2011 selepas proses perolehan disempurnakan oleh Kementerian. Projek ini apabila siap akan memberi manfaat kepada kira-kira 1,172 buah rumah.

Bagi Program Bekalan Air Luar Bandar(BALB) pula,pada tahun 2011 Kementerian merancang untuk melaksanakan9 buah projek dengan anggaran kos berjumlah RM35.0 juta. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka akan dapat memberi manfaat kepada 925 buah rumah di Parlimen Ranau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN
[MERBOK]

TARIKH 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN

SOALAN NO. 18

DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapa peratuskah projek RMKe-9 yang dilaksanakan oleh Kerajaan memerlukan lanjutan tempoh pembinaan;
- (b) senaraikan semua projek yang masih lagi dalam pembinaan yang dimana lanjutan masa telah diberi. Juga kenaikan kos atau denda yang dikenakan kepada kontraktor jika ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di dalam RMKe-9 Kerajaan telah meluluskan sebanyak 26,526 projek dimana 21,300 projek adalah projek fizikal pembinaan untuk dilaksanakan. Sebagai agensi pelaksana utama negara, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan sebanyak 5,452 projek. Dari bilangan ini, 40.4% atau 2,201 projek telah diberikan lanjutan tempoh masa (EOT).

Bagi sejumlah 2,201 projek yang telah diberikan tempoh lanjutan masa (EOT) manakala denda yang telah dikenakan kepada kontraktor oleh Kerajaan adalah bernilai RM 1.5 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
TARIKH 5 APRIL 2011 (SELASA)
SOALAN NO.19

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sekiranya krisis politik Mesir ini berlanjutan sehingga tidak diketahui bila akan berakhir, apakah rancangan pihak Kementerian untuk menentukan agar semua pelajar yang terlibat tidak membuang masa yang terlalu lama tanpa menyambung pengajian mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengesahkan bahawa keadaan di Mesir kini telah pulih dan para pelajar boleh kembali meneruskan pengajian mereka di sana.

Kementerian Pengajian Tinggi telah menukuhan satu Pasukan Petugas (*Task Force*) bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh pelajar. Melalui perbincangan dengan universiti di Mesir pada 18 hingga 26 Februari 2011, pelajar-pelajar Malaysia telah dibenarkan

mendaftar di antara tempoh 12 Mac hingga 8 April 2011 bergantung kepada tarikh yang ditetapkan oleh universiti masing-masing.

9-0

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN HAJI NASARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.04.2011

Tuan Haji Nasarudin bin Mat Isa (Bachok) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan ke atas para majikan yang enggan mencarum KWSP bagi pekerja-pekerja mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai pemegang amanah simpanan persaraan ahli, KWSP sentiasa prihatin dalam melindungi dan membela kepentingan hak pekerja dengan memastikan semua majikan menunaikan tanggungjawab membayar caruman KWSP untuk semua

pekerja. Kadar caruman bahagian pekerja ialah 11% manakala bahagian majikan sebanyak 12%.

2. Setakat Disember 2010 sebanyak 484,822 majikan telah berdaftar dengan KWSP. Setiap majikan sentiasa dipantau dan sekiranya terdapat mana-mana majikan yang gagal mencarum bagi sesuatu bulan, majikan berkenaan akan dikesan melalui Sistem Pengurusan Penguatkuasaan KWSP (Enforcement Management System) dan proses tindakan penguatkuasaan akan dimulakan terhadap majikan berkenaan. Untuk memastikan majikan bertanggungan untuk mencarum, penguatkuasaan akan dibuat berdasarkan kepada aduan pekerja dan juga melalui ‘aktiviti pemutihan’ (screening activities) serta ‘pemeriksaan kawasan’ (area inspection) terhadap majikan-majikan berkenaan.

3. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan ke atas majikan yang gagal mencarum, KWSP telah berjaya membuat kutipan caruman tertunggak sebanyak RM8.2 billion (nilai kumulatif dari tahun 2005 hingga Disember 2010). Sepanjang tahun 2010, KWSP telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 9,330 majikan yang gagal mencarum dan berjaya memperoleh bayaran tunggakan caruman sebanyak RM68.2 juta melalui perintah mahkamah. Di samping itu, mahkamah telah mengenakan denda sebanyak RM0.62 juta terhadap majikan-majikan berkenaan.

4. Dari tahun 2002 hingga Disember 2010, KWSP telah melaksanakan tindakan penahanan pasport terhadap 6,091 pengarah syarikat dengan melarang mereka daripada meninggalkan Malaysia sehingga mereka dapat melunaskan kesemua caruman tertunggak. Melalui proses ini, KWSP berjaya membuat kutipan sebanyak RM43.9 juta.

5. Dalam tahun 2010, sebanyak 47,009 majikan telah dilawati melalui pemeriksaan pemutihan di seluruh negara. Sebanyak 694 syarikat yang dikesan belum atau gagal berdaftar dengan KWSP sebagai majikan telahpun didaftarkan. Pada masa yang sama sejumlah 937 majikan sama ada mencarum tidak mengikut kadar berkanun atau mencarum untuk sebahagian pekerja sahaja. Taksiran caruman tertunggak berjumlah RM12.9 juta telah dibuat dan majikan diarahkan untuk membayar amaun tersebut. Tindakan penguatkuasaan termasuk tindakan undang-undang telah diambil ke atas majikan dan pengarah-pengarah syarikat serta pemilik perniagaan yang berkenaan bagi memastikan mereka mencarum untuk kesemua pekerja mengikut undang-undang.

6. Sekiranya KWSP gagal mendapatkan kembali caruman yang tertunggak daripada majikan melalui proses penguatkuasaan dan undang-undang dan jika didapati ada bukti bahawa potongan upah pekerja telah dibuat oleh majikan, KWSP melalui peruntukan Seksyen 50(3) Akta KWSP 1991, akan mengkreditkan kesemua amaun potongan upah pekerja bersama dividen bagi pekerja-pekerja terbabit.

NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
 [TENGGARA]
SOALAN 21
TARIKH 5 APRIL 2011

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan pelbagai kajian telah dilaksanakan berkaitan dengan sistem amaran bencana alam seperti banjir. Apakah tindakan Kerajaan dalam memanfaatkan hasil-hasil kajian yang berkenaan dengan penggunaan aplikasi teknologi terkini sebagai penyelesaian kawalan bencana yang efektif seperti banjir yang baru melanda negara kita agar rakyat tidak sengsara lagi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengeluarkan dana penyelidikan berjumlah RM 17.394 juta bagi tempoh RMKe-7 hingga RMKe-9 untuk projek-projek kajian berkaitan cuaca, iklim dan banjir yang disalurkan kepada institut-institut pengajian tinggi dan para penyelidik tempatan seperti Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Jabatan pengairan dan Saliran (JPS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM). Sebanyak 31 projek kajian berkaitan cuaca dan iklim melibatkan perbelanjaan RM7.595 juta dan 27 projek kajian berkaitan banjir berjumlah RM9.798 juta telah dijalankan.

Dari jumlah RM7.595 juta projek kajian berkaitan cuaca dan iklim, 22 projek RMKe-7 berjumlah RM5.986 juta, 4 projek RMKe-8 berjumlah RM0.670 juta dan 5 projek RMKe-9 berjumlah RM0.940 juta. Manakala bagi projek kajian mengenai banjir berjumlah RM9.798 juta, 5 projek RMKe-7 berjumlah RM2.463 juta, 12 projek RM1.873 juta dan 10 projek RMKe-9 berjumlah RM5.461 juta. Hasil-hasil kajian, penyelidikan dan kepakaran dalaman JMM dan JPS serta teknologi daripada negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun, China, Jerman dan United Kingdom digunakan dalam membantu membangunkan sistem ramalan dan amaran cuaca di JMM dan sistem ramalan dan amaran banjir di JPS.

Tuan Yang Di Pertua,

Para penyelidik di JMM juga berterusan menambahbaik prestasi dan kejituhan sistem ramalan dan amaran awal cuaca buruk di JMM. Walaubagaimanapun, keupayaan komputer di JMM perlu dipertingkatkan dan bilangan radar cuaca ditambah untuk membolehkan ramalan cuaca yang lebih tepat dihasilkan. meningkatkan lagi keupayaan sistem amaran banjir, JPS menggunakan maklumat ramalan, amaran dan data-data cuaca JMM terutamanya rangkaian radar cuaca.

Di antara langkah-langkah pencegahan awal yang telah diambil oleh Kerajaan ialah perancangan pembangunan secara lestari, penyelenggaraan berterusan dan memperbaiki sistem saliran dan tebatan banjir dan penggunaan teknologi terkini seperti *SMART Tunnel* di Kuala Lumpur dan *barrage* di Sungai Sarawak.

MOSTI dan agensinya iaitu Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dan ARSM bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN), JPS dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) juga telah bersetuju mewujudkan dua kumpulan kerja, iaitu Kumpulan Kerja Teknikal dan Kumpulan Kerja Hebah/ Pendidikan bagi mempertingkatkan lagi integrasi dan keupayaan sistem ramalan dan amaran awal cuaca buruk dan sistem ramalan dan amaran awal banjir dan sistem penyebaran maklumat. Kedua-dua kumpulan kerja ini akan diselaraskan oleh MKN. Strategi tersebut termasuklah menggiatkan lagi kempen kesedaran awam berkaitan cuaca ekstrem yang boleh mendatangkan banjir terutamanya di daerah-daerah yang berisiko tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYATNO. AUM :£*/?**

NO. AUP :

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]
TARIKH	5 APRIL 2011
RUJUKAN	3457

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sehingga kini berapakah laporan yang telah dibuat atas aduan keganasan polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ampang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi tahun 2010 iaitu sehingga 31 Disember 2010, jumlah laporan polis yang dibuat berhubung aduan keganasan oleh anggota polis adalah sebanyak 19 laporan.

SOALAN (23)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

TARIKH : 5 APRIL 2011 (SELASA)

DARIPADA Y.B. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH AHMAD
[KANGAR]

SOALAN

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA 1 minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) apakah teknologi dan cara untuk mengurus tayar terpakai (*used tyre*) dan keberatan tayar terpakai sebulan perlu diuruskan; dan
- (b) berapa buah syarikat di seluruh negara telah diberi lesen untuk menjalankan kerja pemprosesan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa teknologi dan kaedah yang digunakan untuk merawat dan mengurus sisa tayar terpakai. Di antaranya ialah:-

- i) *Pyrolysis* iaitu salah satu jenis rawatan termal di mana tayar terpakai dirawat menggunakan suhu dan tekanan tinggi. Hasil dari proses ini ialah minyak dan karbon;
- ii) Tayar terpakai diguna sebagai bahan api dalam industri simen; dan

iii) Tayar terpakai dilupuskan di tapak pelupusan sisa pepejal Mengenai bilangan syarikat yang diberikan lesen untuk memproses tayar terpakai, pada ketika ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada mempunyai data yang terperinci mengenai perkara ini kerana KPKT tidak mengawal atau bertanggungjawab untuk memberikan sebarang lesen bagi industri ini. Bagaimanapun, di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang akan dikuatkuasa kelak, KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa pepejal Negara (JPSPN) akan mengawal aktiviti pelupusan dan rawatan tayar terpakai melalui pemberian lesen.

Pada ketika ini, KPKT sedang merangka dasar dan strategi untuk pengurusan sisa tayar terpakai secara menyeluruh dan berkesan. Oleh yang demikian, sebagai langkah persediaan, satu kajian selama empat bulan mengenai pengurusan sisa tayar terpakai sedang dijalankan yang bertujuan antara lain mendapatkan jumlah sisa tayar terpakai di negara ini termasuk cara-cara ianya dirawat dan dilupuskan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan April
2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]

TARIKH 5 APRIL 2011
RUJUKAN 3458

SOALAN:

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan maklumat setakat manakah atau adakah Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memulakan siasatan berkenaan dakwaan merogol pembantu rumah yang timbul pada penghujung tahun lepas yang membabitkan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.
JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pada masa ini kes yang dimaksudkan masih dalam siasatan PDRM.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)
TARIKH 5 APRIL 2011 (SELASA)
SOALAN DATUK RAIME BIN UNGGI minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan tindakan yang diambil oleh
Kerajaan dalam menangani isu penjualan
beras subsidi ST15 kepada pihak-pihak yang
tidak layak seperti peniaga restoran.

JAWAPAN Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Subsidi Harga Beras dilaksanakan bagi membolehkan beras Super Tempatan 15% (ST15) atau Beras Nasional dikeluarkan dan dijual pada harga murah yang dikawal iaitu RM1.80/kg bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan bekalan beras bagi keperluan harian.

Sebanyak 40.000MT sebulan beras ST 15% diedarkan di Semenanjung Malaysia manakala sekitar 16.000MT di Sabah/Sarawak. Beras ini akan dikeluarkan oleh BERNAS dan Kilang Skim Pusat Belian (SPB) / Skim Upah Kisar (SUK) dan diedarkan oleh 337 pemborong di Semenanjung dan 239 di

Sabah/Sarawak. Perlantikan pemberong berdasarkan perakuan oleh Pejabat Kawalselia Padi dan Beras Negeri termasuk perakuan oleh BERNAS.

Pembahagian kuota di kalangan pemberong adalah berasaskan kepada jumlah keperluan beras bagi satu-satu Negeri berdasarkan beberapa kriteria terutamanya jumlah penduduk miskin dan permintaan daripada pemberong-pemberong yang aktif serta mempunyai rangkaian agihan wakil peruncit yang luas (berdasarkan bukti inbois jualan). Oleh itu, yang aktif diberi peruntukan yang lebih berbanding pemberong kecil yang tidak aktif. Disamping itu, prestasi jualan pemberong-pemberong dan kemudahan serta kapasiti mesin pengampitan masing-masing juga termasuk salah satu kriteria penting menentukan jumlah kuota yang diberi kepada mereka.

Secara asasnya, bekalan beras ST15% yang dikeluarkan adalah sebanyak 40,000 tan metrik sebulan di Semenanjung dan 16,000MT di Sabah/Sarawak. Jumlah tersebut adalah mencukupi bagi menampung keperluan golongan sasar iaitu golongan berpendapatan rendah. Namun begitu, terdapat segelintir golongan yang tidak bertanggungjawab yang tidak layak telah mengambil kesempatan mendapatkan beras tersebut yang berada di pasaran. Di mana, terdapat pihak yang tidak layak seperti pengusaha makanan dan restoran mengambil peluang daripada penjualan beras ST15% secara terbuka di pasaran runcit negara menyebabkan bekalan beras ST15% tidak cukup di pasaran.

Bagi menangani masalah tersebut, pihak Kawalselia Padi dan Beras melakukan pemeriksaan rutin dan pemeriksaan ‘mengejut’ terhadap pemberong yang diagihkan kuota dan rangkaian peruncit pemberong yang terlibat dengan penjualan beras ST15%. Pemeriksaan ini akan menjurus kepada pemeriksaan lesen, gudang/stor, buku stok, inbois belian dan jualan.

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

TARIKH [MACHANG]
 05 APRIL 2011

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh manakah perkembangan industri farmasi di negara ini dalam menyumbang kepada kemajuan ekonomi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkembangan industri farmaseutikal boleh dinilai dari segi peningkatan kualiti produk farmaseutikal tempatan, peningkatan perjawatan dalam industri dan bilangan projek yang dilaksanakan; peningkatan pelaburan tempatan dan asing dalam industri; serta nilai eksport dan import produk berdasarkan farmaseutikal.

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan agensi regulatori kebangsaan yang dipertanggungjawab memastikan kualiti produk farmaseutikal di Malaysia, telah menjadi penggerak utama dalam menaikkan taraf industri farmaseutikal tempatan dengan menjadi ahli kepada *Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme (PIC/S)* dan seterusnya menguatkuasa garis panduan PIC/S untuk produk farmaseutikal. Keanggotaan Malaysia sebagai ahli PIC/S sejak Januari tahun 2002 telah menggalakkan pengilang produk farmaseutikal tempatan meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan agar setaraf dengan produk farmaseutikal antarabangsa dan seterusnya meningkatkan keyakinan orang awam dan negara asing dengan kualiti produk farmaseutikal negara kita.

Walaupun bilangan pengilang farmaseutikal tidak meningkat dengan ketara dari tahun 2009 ke 2010, namun usaha BPK menerusi audit Amalan Perkilangan Baik (APB) / *Good Manufacturing Practice (GMP)* berterusan yang dijalankan telah dapat meningkatkan kualiti produk farmaseutikal yang dikilangkan.

Jika dilihat dari dua sudut iaitu peningkatan dalam pelaburan tempatan dan pelaburan asing dalam industri farmaseutikal tempatan, kedua-dua pelaburan tempatan dan asing telah menunjukkan *trend* untuk terus meningkat sejak tahun 2009. Pelaburan tempatan telah meningkat sebanyak RM 15.9 juta dari 2008 ke 2009 dan meningkat lagi sebanyak RM 75.8 juta dari 2009 ke 2010. Pelaburan dari luar negara merekodkan peningkatan yang sungguh memberangsangkan dari tahun 2008 ke 2009 iaitu sebanyak RM 401.7 juta tetapi jumlah ini menurun ke RM 273.3 juta pada tahun 2010, iaitu penurunan sebanyak 32%. Jumlah pelaburan ke dalam industri ini meningkat secara mendadak sebanyak 1096.1% dari tahun 2008 ke 2009 dan menurun sebanyak 11.5% pada 2010.

Peningkatan dalam kualiti produk farmaseutikal tempatan juga dapat dilihat dari peningkatan dalam jumlah eksport negara yang berjumlah RM 567.1 juta pada tahun 2008 yang telah meningkat ke RM 814.2 juta (peningkatan 43.6%) pada 2009 dan RM 996.1 juta (22.3%) pada 2010.

Perkembangan industri farmaseutikal tempatan juga boleh dilihat dari pengurangan import produk farmaseutikal untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan kerana peningkatan kapasiti pengeluaran industri tempatan. Aliran sumber kewangan ke luar negara disebabkan aktiviti import produk farmaseutikal telah menurun sebanyak dari RM 3,870.7 juta pada tahun 2009 ke RM 3,651.3 juta pada tahun 2010 iaitu pengurangan sebanyak 5.7%.

Peningkatan permohonan Sijil APB (*GMP*) oleh pengilang farmaseutikal tempatan bagi tujuan eksport produk farmaseutikal tempatan ke luar negara merupakan satu petanda bahawa produk farmaseutikal yang dikilangkan oleh pengilang tempatan telah diterima dan diiktiraf oleh negara luar sebagai produk yang berkualiti, selamat dan berkesan. Sijil APB yang dipohon oleh pihak pengilang farmaseutikal tempatan yang dikeluarkan kepada agensi regulatori luar negara telah meningkat dari 375 sijil pada tahun 2008 ke 401 sijil (2009) dan 614 sijil (2010).

Industri farmaseutikal tempatan juga telah berkembang. Pelaksanaan projek tempatan telah meningkat dari 3 buah (2008) ke 4 buah (2009) dan 10 buah (2010). Peningkatan ini telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan iaitu dari 184 jawatan pada tahun 2008, ke 189 jawatan (2009), dan 472 jawatan (2010).

Beberapa inisiatif sedang dirancang bagi meningkatkan perkembangan industri farmaseutikal di Malaysia untuk terus menyumbang kepada kemajuan ekonomi:-

1. Pada masa ini, kebanyakan kilang farmaseutikal tempatan mengilang keluaran generik untuk pasaran tempatan sahaja. Dengan tamatnya banyak paten ubat- ubat *blockbuster* (dengan nilai penjualan RM3.2 bilion setahun) dalam masa sepuluh tahun akan datang, pasaran ubat-ubat generik global yang bernilai RM 435 bilion akan memberi peluang kepada pengilang-pengilang generik farmaseutikal tempatan untuk bersaing. Malaysia akan menumpukan eksport ubat generiknya kepada negara-negara OIC. Malaysia sebagai satu-satunya negara OIC yang menjadi ahli PIC/S dan mempunyai kredibiliti platform halal dapat bersaing dengan negara pengeluar yang lain. Melalui NKEA kerajaan telah mengenal pasti dan mengatur strategi untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar ubat generik farmaseutikal terkemuka.
2. Lesen Pengilang, Lesen Mengimport dan Lesen Pemborong kini dapat dikeluarkan dalam tempoh masa 10 hari bekerja. Walau bagaimanapun, menerusi aktiviti semakan proses kerja yang berterusan, proses ini akan dipendekkan kepada 4 hari bekerja, selaras dengan perkembangan dan kecanggihan teknologi maklumat semasa.
3. BPK sentiasa memberi khidmat nasihat terkini bagi Amalan Perkilangan Baik, Amalan Pengedaran Baik dan keperluan regulatori yang berkaitan dengan industri farmaseutikal kepada semua pelanggan, persatuan peniaga dan pelabur.

Aktiviti bagi sektor perkilangan dalam industri farmaseutikal kekal menunjukkan trend peningkatan untuk terus menyumbang kepada ekonomi negara secara keseluruhannya.

SOALAN NO. 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB

LISAN

DARIPADA YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
(KANO WIT)

TARIKH : 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN :

YB Datuk Aaron Ago Anak Dagang (Kanowit) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah pemberian atau bantuan kewangan bagi rakyat miskin yang telah diluluskan, yang telah diberi kepada penerima dan yang belum diberi kepada penerima bagi Tahun 2010 mengikut kawasan Parlimen di Negeri Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan bulanan dan sekaligus bagi membantu kumpulan sasar Kementerian yang terdiri daripada keluarga miskin dan tidak berkemampuan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan yang telah diluluskan bantuan bagi Negeri Sarawak pada tahun 2010 adalah sebanyak 9,352 orang penerima. Walau bagaimanapun, terdapat juga penerima-penerima bantuan yang telah diberikan kelulusan sebelum tahun 2010 dan layak menerima sehingga sekarang.

Sehingga tahun 2010, jumlah penerima bantuan bagi negeri Sarawak adalah sebanyak 40,681 orang penerima dengan perbelanjaan sebanyak RM96.7 juta. Daripada jumlah tersebut kawasan Betong mencatatkan penerima paling banyak iaitu sebanyak 3,339 orang penerima bantuan dengan perbelanjaan sebanyak RM8,941,680 diikuti Serian sebanyak 2,017 penerima dengan perbelanjaan sebanyak RM5,993,167 dan Sibu sebanyak 2,011 penerima dengan perbelanjaan sebanyak RM4,250,414. Manakala kawasan Sibuti mencatatkan penerima paling rendah iaitu sebayak 330 penerima bantuan dengan perbelanjaan sebanyak RM843,200. Bagi jumlah penerima bantuan kebijakan bagi negeri Sarawak mengikut kawasan Parlimen tahun 2010 dan peruntukan yang telah disalurkan ke setiap negeri, perincian tersebut akan diberikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian adalah komited untuk memastikan golongan miskin dan mereka yang memerlukan mendapat pembelaan dan dibantu sewajarnya.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

Lisan

Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

5 APRIL 2011

Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta MENTERI

menyatakan:-

- (a) Jumlah kos makanan import sepanjang 10 tahun lalu dan sebab-sebab kenaikan kos tersebut; dan
- (b) Apakah langkah yang Kerajaan ambil untuk menambah pengeluaran makanan tempatan serta strategi/langkah yang diambil jika berlaku krisis pengeluaran makanan global.

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

JAWAPAN (a)

Jumlah import bahan telah meningkat daripada RM11.36 bilion pada tahun 2000 kepada RM30.19 bilion pada tahun 2010 dengan kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 10.7%. Kenaikan jumlah import bahan makanan secara signifikan disebabkan oleh pengeluaran bahan makanan dalam negara yang tidak ekonomik disebabkan oleh faktor iklim dan kos pengeluaran yang tinggi seperti bijirin, bahan makanan ternakan, buah-buahan dan sayuran iklim sederhana.

Selain daripada itu, faktor global telah menyumbang kepada peningkatan harga komoditi. Semasa krisis makanan pada tahun 2008, harga minyak mentah adalah tidak stabil, bekalan bijirin yang rendah, spekulasi pasaran, persaingan dengan pasaran biofuel, perubahan iklim. Peningkatan permintaan terhadap makanan sejajar dengan pertumbuhan populasi dunia turut menyumbang kepada peningkatan kos makanan sepanjang 10 tahun yang lalu.

Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN (b)

Semasa krisis makanan dunia pada tahun 2008, Kerajaan telah berjaya memastikan bekalan makanan yang mencukupi dan berterusan untuk kegunaan dalam negara. Pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah melalui program peningkatan pengeluaran padi, pengwujudan stok penimbang beras, peningkatan pengeluaran dan produktiviti sektor tanaman, ternakan dan perikanan, pemberian insentif pengeluaran bahan makanan, pengukuhan pasaran dan pengagihan hasil pertanian, Program Bumi Hijau serta pembangunan tanah dan kolam terbiar. Usaha-usaha yang telah dijalankan telah berjaya meningkatkan produktiviti padi di mana purata hasil telah mencatatkan peningkatan 8% daripada 2.35 tan metrik pada tahun 2008 kepada 2.5 tan metrik pada tahun 2010. Pengeluaran hasilan pertanian lain termasuklah buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan turut mencatatkan peningkatan. Dengan pengalaman yang telah dilalui, pada masa ini Kerajaan lebih bersedia dalam menghadapi kemungkinan sekiranya berlaku krisis makanan global dengan merangka strategi dan langkah-langkah berikut bagi meningkatkan pengeluaran makanan tempatan:

- (i) Meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani bagi meningkatkan pengeluaran sektor

SOALAN NO: 30

tanaman, ternakan dan perikanan;

Membangunkan tanah pertanian akan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembakai di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;

Membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran.

Menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi seperti teknologi '-omics' dan *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.

Meningkatkan penglibatan pihak swasta menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menubuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasar melalui ladang kontrak dan pakatan strategik; dan

Mibenarkan pelabur swasta untuk membuat pelaburan di luar negara secara timbal balik (*reverse investment*) bagi pengeluaran komoditi utama makanan yang dikenal pasti. Pelaburan timbal balik ini akan membantu meningkatkan sekuriti bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan yang mana hasil keluaran pertanian dibawa balik secara langsung atau sebagai produk akhir untuk kegunaan tempatan.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
TARIKH	[SIPITANG] 05.04.2011 (SELASA)

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah-langkah Kerajaan menangani permasalahan makanan runcit di negara ini, khususnya Sabah yang kekurangan bawang merah hingga menyebabkan harganya melambung tinggi di kedai runcit dan pasar raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dari bulan Oktober hingga Disember, berlaku keadaan cuaca yang kurang baik (cuaca lembap) di negara pengeluar bawang seperti India. Ini menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan bawang merah domestik di India. Maka, Kerajaan India telah menyekat eksport bawang merah ke negara lain termasuk Malaysia bagi memastikan bekalan bawang merah tempatan di India mencukupi. Bagi memastikan bekalan bawang merah di Malaysia mencukupi, kerajaan mengambil alternatif lain dengan mengimport bekalan daripada Thailand, Burma dan China.

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

TARIKH : 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hubungan Negeri - Pusat sebagaimana yang diamalkan oleh Malaysia sekarang ini lebih menyerupai amalan sistem satuan (*unitary system*) dan bukannya sistem persekutuan sebagaimana yang digembar-gemburkan. Apakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk meminda dan kalau perlu memansuh perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan sistem persekutuan berfungsi sebagaimana yang sepatutnya.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

while remaining national control where national interest as a whole requires it".

(ii) Perkara 45 dan Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan

Perkara 45 dan Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan keahlian bagi Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam memastikan wakil daripada setiap Negeri mempunyai suara dan turut serta mengambil bahagian dalam membuat apa-apa keputusan di peringkat Persekutuan. Perkara 45 menetapkan dua wakil daripada setiap Negeri, dua wakil daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, satu wakil masing-masing daripada Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya dan 40 ahli yang lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi perwakilan di Dewan Negara. Perkara 46 pula memperuntukkan keahlian dalam Dewan Rakyat sebanyak 222 ahli yang dipilih oleh rakyat melalui proses Pilihan Raya.

(iii) Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan

Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah menjamin Perlembagaan Negeri dan hak Raja sesuatu Negeri untuk naik takhta dan memegang, menikmati

dan menjalankan hak-hak dan keistimewaan di sisi Perlembagaan bagi Raja Negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu; tetapi apa-apa pertikaian tentang hak naik takhta mana-mana Negeri hendaklah diputuskan semata-mata oleh mana-mana pihak berkuasa, dan semata-mata mengikut apa-apa cara, yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri berkenaan.

(iv) Bahagian VI Perlembagaan Persekutuan

Bahagian VI berhubung dengan *Perhubungan Antara Persekutuan Dengan Negeri-Negeri* antara lainnya, memperuntukkan pembahagian kuasa perundangan kepada Parlimen dan kuasa perundangan Negeri kepada Badan Perundangan Negeri, serta pembahagian kuasa eksekutif antara Persekutuan dan Negeri.

Walau bagaimanapun, Parlimen boleh membuat undang-undang berhubung dengan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Negeri-Negeri dalam hal-hal tertentu seperti pelaksanaan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain, bagi maksud menggalakkan penyeragaman undang-undang dan jika diminta untuk berbuat sedemikian oleh mana-mana

Dewan Undangan mana-mana Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 76(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan pula menetapkan pembahagian dan takat kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Perkara 80(2) secara khusus memperuntukkan bahawa kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan tidak meliputi apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri, kecuali setakat yang diperuntukkan dalam Perkara 93 hingga Perkara 95 dan bagi apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Bersama dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dihadkan kepada perkara-perkara yang terkandung dalam undang-undang yang telah pun dibuat oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

(v) Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan

Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan meletakkan tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan pemberian kewangan kepada Kerajaan Negeri yang dikenali sebagai pemberian ikut kepala dan pemberian penyelenggaraan jalan Negeri. Kerajaan Persekutuan juga perlu mengadakan Kumpulan Rizab Wang Negeri bagi tujuan pembangunan dan

menambah hasil Negeri.

(vi) Mekanisma perundinqan

Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan mekanisma dan badan perundingan (*consultative bodies and mechanisms*) yang bertujuan untuk menyeragamkan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara tertentu yang menyentuh bidang kuasa serta kepentingan Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, penubuhan Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan yang ditubuhkan di bawah Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, Majlis Tanah Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan dan Majlis Kewangan Negara ditubuhkan di bawah Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan juga perlu berunding dengan Kerajaan Negeri dalam merangka Pelan Pembangunan Negara di bawah Perkara 92 Perlembagaan Persekutuan.

(vii) Majlis Raia-Raia

Majlis Raja-Raja ditubuhkan di bawah Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan. Antara peranan Majlis tersebut adalah untuk memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, memperkenankan atau tidak memperkenankan apa-apa undang-

undang, membuat atau memberikan nasihat mengenai apa-apa pelantikan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang dikehendaki diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja atau dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja sebagaimana diperuntukkan dalam Subfasal (c) Fasal (2) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan. Majlis Raja-Raja juga boleh menimbang teliti soal-soal mengenai dasar negara dan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut.

Keperluan rundingan dengan Majlis Raja-Raja sebelum suatu jawatan itu diisi adalah berlandaskan kepada pernyataan dalam *White Paper, Constitutional Proposals for the Federation of Malaya* di perenggan 17 seperti berikut:

"77.Secondly, the Conference will be consulted, each Ruler and Governor acting in his discretion, on the appointment of the Chief Justice and Judges of the Supreme Court, the appointment of the Auditor-General, and the appointment of members of the Election Commission and the Public Services Commission, since the holders of these appointments will exercise powers in respect of both State and Federal affairs."

Selanjutnya Fasal (5) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan turut

memperuntukkan bahawa Majlis Raja-Raja hendaklah dirundingi sebelum apa-apa perubahan mengenai dasar yang menyentuh tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan iaitu perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit bagi orang Melayu dan anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak dibuat.

(viii) Penyelesaian konflik oleh Mahkamah Persekutuan

Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa hanya Mahkamah Persekutuan yang mempunyai bidang kuasa untuk membuat keputusan—

- (a) mengenai apa-apa soal sama ada undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan sesuatu Negeri adalah tidak sah atas alasan bahawa undang- undang itu membuat peruntukan mengenai sesuatu perkara yang mengenainya Parlimen atau, mengikut mana- mana yang berkenaan, Badan Perundangan Negeri itu tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang; dan
- (b) pertikaian atas apa-apa soal lain antara Negeri dengan Negeri

atau antara Persekutuan dengan mana-mana Negeri.

Ini menunjukkan bahawa Mahkamah Persekutuan yang akan memberi kata pemutus jika berlaku apa-apa pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Contoh kes pertikaian yang pernah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan adalah kes *The Government Of The State Of Kelantan v. The Government Of The Federation Of Malaya And Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj [1963] 1 MLJ 355*.

(ix) Pindaan Perlembagaan Persekutuan

Tatacara dan prasyarat yang perlu dipenuhi sebelum Perlembagaan Persekutuan boleh dipinda juga menunjukkan sistem Kerajaan kita sekarang bukan menyerupai sistem satuan. Jika ada apa- apa pindaan yang hendak dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan, maka pindaan itu hendaklah mendapat kelulusan dengan undi sebanyak dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 159 dan 161E Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan penerangan yang telah diberikan sebentar tadi, ditegaskan di sini bahawa Kerajaan Malaysia sekarang ini mengamalkan sistem pentadbiran Persekutuan sepenuhnya. Oleh itu, tidak timbul isu atau

keperluan untuk meminda atau memansuhkan perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan sistem Persekutuan berfungsi sebagaimana yang sepatutnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUKWIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
[JASIN]

TARIKH 5 APRIL 2011

SOALAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status dan hasil pelaksanaan GTP, khususnya dalam memperbaiki situasi dan persekitaran pekerjaan di kalangan warga perubatan dan yang demikian, tekanan serta *turnover* yang tinggi dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, seperti yang kita semua sedia maklum, dalam usaha untuk memacu Malaysia ke arah ekonomi maju dan berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan menjelang 2020, Y.A.B Perdana Menteri telah melaksanakan beberapa langkah positif dan memperkenalkan empat (4) tonggak strategik, iaitu Gagasan “1 Malaysia; Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, Program Transformasi Perkhidmatan Kerajaan (GTP), Program Tranformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Ke-10.

Dalam merealisasikan hasrat ini, semua pihak perlu bekerjasama menggembungkan tenaga untuk memberikan perhatian dan komitmen padu dalam melaksanakan proses-proses transformasi, termasuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan meningkatkan produktiviti.

Kerajaan juga telah melancarkan penubuhan Klinik 1 Malaysia dan Klinik Bergerak 1 Malaysia yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Sehingga kini, sebanyak 50 buah Klinik 1 Malaysia di seluruh negara telah diwujudkan.

Di samping itu, Klinik Bergerak 1 Malaysia diwujudkan bagi memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan-kawasan terpencil khususnya yang tidak mempunyai akses terhadap perkhidmatan kesihatan. Dengan adanya perkhidmatan tersebut ia akan membolehkan penduduk di kawasan berkenaan mendapat rawatan kesihatan terbaik daripada kerajaan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik dan mengekal Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di KKM di mana ia secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi di kalangan warga perubatan serta *turnover* yang tinggi dapat dihapuskan.

Antara usaha-usaha tersebut ialah dengan mengadakan peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik melalui pelaksanaan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 9 Mac 2010.

Kerajaan juga telah menambahbaik insentif dan elaun yang diterima oleh Pegawai Perubatan di KKM seperti peningkatan kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal daripada RM 500 kepada RM 750 mulai 1 Januari 2008 dan Bayaran Insentif Pakar di antara RM 1,600 sehingga RM 3,100 (mengikut gred) bermula pada 1 Januari 2009. Di samping itu, Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar yang melaksanakan Prosedur/Pembedahan Elektif pada hari Sabtu akan dibayar RM 200 sejam bagi Pegawai Perubatan Pakar dan RM 80 sejam bagi Pegawai Perubatan.

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH: 5 APRIL 2011

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) ketika Institut NTS Arumugam Pillai dibina, janji untuk memilih sebahagian besar pelajar dan pekerja pentadbir dari golongan India tidak dapat dikotakan sehingga kini. Kenapa; dan
- (b) senaraikan maklumat terkini bilangan pelajar dan pensyarah mengikut komposisi kaum.

PR-000-L42583

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Institut NTS Arumugam Pillai telah beroperasi mulai tahun 2005. Sebanyak 3 kursus utama ditawarkan iaitu kursus pencetakan, kursus elektrikal dan kursus komputer.
2. Berhubung dengan pelajar, pada masa sekarang seramai 234 pelajar sedang menuntut di Institut NTS Arumugam Pillai. Bilangan pelajar mengikut anrolmen kaum adalah 117 (50%) Melayu, 116 (49.5%) India manakala 1(0.4%) Cina. Maklumat lengkap bilangan pelajar (enrolmen) mengikut komposisi kaum ILP Arumugam Pillai adalah seperti berikut:

Raiah 1 : Bilangan pelajar (enrolmen) mengikut komposisi kaum ILP Arumugam Pillai

ILJTM	ENROLMENT TAHUN 2011									
	Melayu		Cilia		India		Lain-Lain		Jumlah	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
ILP ARUMUGAM PILLAI	72	45	1	0	65	51	0	0	138	96
	117(50%)		1 (0.4%)		116(49.5%)		0		234 (100%)	

L = Lelaki P = Perempuan

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, dakwaan Y.B Ipoh Barat, janji kerajaan agar 30% pelajar Institut NTS Arumugam Pillai terdiri daripada kaum India tidak dipenuhi adalah tidak benar. Pada masa sekarang, seramai 49.5% pelajar Institut NTS Arumugam Pillai adalah dari kaum India.

4. Berhubung dengan soalan seterusnya daripada Y.B. Ipoh Barat berkaitan kuota tenaga pengajar, adalah benar ianya tidak dapat dipenuhi kerana masalah kurangnya kaum India menyertai perkhidmatan awam. Pada masa sekarang, terdapat 24 orang tenaga pengajar dari kaum India di Institut-Institut Jabatan Tenaga Manusia. Seramai 2 orang daripadanya ditempatkan di Institut NTS

Arumugam Pillai.

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN MASIR ANAK KUJAT
[SRI AMAN]**

TARIKH 5 APRIL 2011

SOALAN:

Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta MENTERI PENERANGAN,

KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menyebarkan jalur lebar WiFi (*WiFi Broadband*) ke kawasan pedalaman di Sri Aman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI), program ram-prog ram peluasan liputan jalur lebar dilaksanakan melalui teknologi talian berwayar dan tanpa wayar. Antara program yang sedang dilaksanakan termasuklah program Kampung Tanpa Wayar (WiFi), penambahan Pusat Telekomunikasi Jalur Lebar iaitu Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan Perpustakaan Jalur Lebar (PJL) serta pembinaan menara telekomunikasi di kawasan-kawasan yang kurang liputan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi daerah Sri Aman, terdapat satu PJK iaitu di Lingga dan dua PJL di Simanggang dan Batu Lintang yang kesemuanya telah disiapkan dan sedang beroperasi. Pusat-pusat tersebut turut menyediakan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar (WiFi) untuk capaian Internet komuniti setempat.

Selain itu, pihak Kerajaan juga sedang mempertimbangkan cadangan untuk menaik taraf 18 kampung di Sri Aman untuk dijadikan sebagai Kampung Tanpa wayar. Penaitarafan kampung-kampung ini dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mei 2011.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO: 60
Lisan

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui (TAWAU)

5 April 2011

Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

- (a) Apakah Pelan tindakan induk terhadap keselamatan makanan dan kecukupan makanan memandangkan banyak perubahan iklim global dan bencana alam menyebabkan peningkatan harga barang-barang penting yang diimport seperti bawang merah dan lain-lain; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai sebarang pelan untuk menstabilkan bekalan dan harga barang-barang penting untuk mengawal inflasi dan kemiskinan

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menggubal Dasar Agromakanan Dasar bagi mencapai objektif meningkatkan pengeluaran untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi dalam negara (*food security*) selain untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar melalui pertanian bemilai tinggi. Penggubalan dasar ini mengambilkira senario baru di peringkat global yang menjelaskan pengeluaran makanan dan biodiversiti dunia iaitu peningkatan harga makanan dunia, peningkatan harga input pertanian, pertambahan penduduk dunia, perubahan kepelbagai diet yang ketara, peningkatan penggunaan komoditi makanan

untuk bioteknologi dan juga perubahan iklim dunia yang mengakibatkan bencana alam seperti banjir dan kemarau

Dasar berkenaan telah menggariskan beberapa strategi untuk menjamin bekalan makanan dalam negara iaitu:

- (i) Pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahan Asas Tani akan diteruskan bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara;
- (ii) Peningkatan produktiviti dan kapasiti di mana tanah pertanian akan dibangunkan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa dan integrasi dengan ternakan;
Tumpuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi seperti teknologi '-omics' dan *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau
- (iii) Pembangunan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran.
- (iv) Pihak swasta akan terus digalakkan untuk melabur dalam peningkatan pengeluaran makanan. Insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru dicadang diperluaskan meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan; dan

Pada masa ini, Dasar Agromakanan ini sedang diselaraskan dengan Dasar Komoditi Industri oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai Dasar Pertanian Negara Ke -4

Tuan Yang Di Pertua,

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga bahan makanan asasi sememangnya merupakan fenomena global. Pengimportan bahan

makanan dari negara luar bagi bahan makanan lain seperti makanan ternakan
SOALAN NO. 62
dan ternakan, sememangnya memberikan impak kepada kenaikan harga

pasaran berikutnya negara pengeksport telah mengenakan harga jualan yang tinggi sekali gus tidak memberi pilihan kepada pengimport tempatan memberikan kadar harga yang rendah di pasaran.

Bagi menangani isu kenaikan harga bahan makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini sedang mengambil pendekatan berikut.

- i. Bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Jawatankuasa Bekalan dan Harga dalam mengemukakan input - input berkenaan faktor yang boleh menyumbang kepada kenaikan harga pasaran khususnya kepada harga produk pertanian keluaran tempatan di peringkat *ex-farm*. Pendekatan ini akan dijalankan melalui pengumpulan data bagi bahan makanan tertentu yang sering kali mengalami kenaikan harga seperti ayam dan ikan. Maklumat-maklumat ini akan disalurkan terus kepada KPDNKK agar maklumat yang tepat berkenaan punca-punca kenaikan harga dapat dijelaskan dengan lebih tepat;
- ii. Selaras dengan dasar Kementerian untuk memelihara kepentingan petani/penternak/nelayan/usahawan dan memastikan kenaikan harga pengeluaran berada di paras stabil, Kementerian kini sedang mengambil tindakan dengan mengadakan dialog bersama persatuan-persatuan pengeluar bahan makanan utama seperti ayam dan daging. Dialog ini bertujuan mendapatkan komitmen dan seterusnya memastikan kedua-dua pihak, pengeluar dan pengguna dapat menikmati kadar harga pasaran yang kompetitif dan tidak membebankan pengguna;
- iii. Menggalakkan pihak swasta dan industri untuk melabur dalam sektor pengeluaran bahan makanan ternakan melalui projek-projek berimpak besar dan NKEA. Di bawah projek NKEA, MOA telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 16 *Entry Point Project* (16 EPP) yang mana antaranya menumpukan kepada usaha peningkatan pengeluaran daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran; dan
- iv. Bagi bahan makanan yang tidak dikeluarkan dalam Malaysia seperti

bawang dan lain-lain, pihak FAMA telah diminta untuk mewujudkan stok bekalan bahan-bahan tersebut

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

SOALAN NO: 65

PERTANYAAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAB

DARIPADA

LISAN

TARIKH

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang]

SOALAN

5 April 2011 (Selasa)

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan mengapakah sering terjadi barang-barang keperluan rakyat seperti beras, gula, tepung dan minyak masak mengalami kekurangan bekalan di pasaran. Apakah langkah menjamin Kerajaan untuk memperbetulkan situasi sedemikian dan huraikan dasar Keselamatan Makanan Negara (*National Policy*).

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kekurangan bekalan barang asas seperti beras, tepung gandum, minyak masak dan gula adalah berpunca daripada banyak faktor yang diluar kawalan Kerajaan antaranya :

- i. Kekurangan pengeluaran yang berlaku secara global sebagai implikasi daripada beberapa dasar pertanian negara pengeluar, keadaan cuaca dunia yang tidak menentu dan juga kesan pergolakan politik di negara pengeluar.
 - ii. Terdapat juga pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menyeludup barang tersebut ke negara serantau kerana harga negara ini lebih murah berbanding negara serantau.

- iii. Terdapat sebilangan pengguna membeli barang tersebut dalam kuantiti yang besar melebihi keperluan untuk mengaut keuntungan akibat spekulasi kenaikan harga dan menjelang musim perayaan.
- iv. Disamping itu, Industri makanan dan minuman juga membeli dan menyimpan gula dengan kuantiti yang berlebihan dari kebiasaan untuk memastikan pengeluaran produk tidak tergendala.
- v. sesetengah negara mengamalkan dasar pertanian sebagai sumber bahan api bio untuk mengatasi kenaikan harga minyak dan akibatnya, berlaku pengurangan pertanian untuk makanan serta menyebabkan kekurangan bekalan.

Langkah - langkah yang diambil untuk memperbaikkan situasi ini adalah dengan mewujudkan kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, FELDA dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi pembangunan pusat pengedaran (DC) dan penyimpanan barang kawalan di seluruh negara mengikut zon sebagai mini stok sekiranya masalah kekurangan bekalan barang kawalan berulang.

Kementerian ini juga telah mengambil langkah proaktif dengan menyenaraikan beberapa strategi bagi tempoh 2011 hingga 2020 untuk menjamin bekalan bahan makanan negara sebagai input kepada penggubalan Dasar Pertanian Negara Keempat (DPN 4) yang sedang diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi. Strategi-strategi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;

- (ii) Membangunkan tanah pertanian akan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembakai di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;
- (iii) Membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran;
- (iv) Menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi seperti teknologi '-omics' dan *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau;
- (v) Meningkatkan penglibatan pihak swasta akan menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menuju konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasar melalui ladang kontrak dan pakatan strategik; dan
- (vi) Membenarkan pelabur swasta untuk membuat pelaburan di luar negara secara timbal balik (*reverse investment*) bagi pengeluaran komoditi utama makanan yang dikenal pasti. Pelaburan timbal balik ini akan membantu meningkatkan sekuriti bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan yang mana hasil keluaran pertanian dibawa balik secara langsung atau sebagai produk akhir untuk kegunaan tempatan.

NO. AUM :y*T

DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]?£

5 APRIL 2011

TARIKH

RUJUKAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT 3460

SOALAN:

PERTANYAAN Dr. LISAN Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah kad
pengenalan atau taraf kerakyatan yang dikeluarkan kepada warga asing
sama ada penduduk tetap yang sah atau pendatang haram yang sudah
lama bermastautin mengikut Negara asal mereka dari tahun 2008
hingga 2010 dan berapakah jumlah unit pendaftaran bergerak yang
diwujudkan untuk memudahkan pertukaran alamat kad pengenalan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Raja yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Taraf kerakyatan yang dikeluarkan kepada warga asing adalah berlandaskan kepada syarat dan kelayakan seperti yang termaktub di dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, pendatang asing tanpa izin (PATI) atau pendatang haram adalah sama sekali tidak layak untuk dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Begitu juga halnya dengan pengeluaran kad pengenalan, lebih-lebih lagi kad pengenalan biru yang dikeluarkan hanya kepada mereka yang bertaraf warganegara.

Kementerian tidak mempunyai statistik jumlah taraf kewarganegaraan yang dikeluarkan kepada warga asing mengikut Negara Asal. Bagaimanapun, statistik yang ada menunjukkan jumlah taraf kewarganegaraan Malaysia yang telah dianugerahkan kepada penduduk tetap dari tahun 2008 hingga 2010 adalah seramai 11,751 orang. Pecahan statistik mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun 2008- 555 orang;

Tahun 2009 - 2961 orang;

Tahun 2010 - 8235 orang.

Kementerian ini ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Unit Pendaftaran Bergerak yang diwujudkan untuk memudahkan

pelbagai urusan pendaftaran yang berkaitan dengan JPN. Oleh yang demikian, tiada Unit Pendaftaran Bergerak yang diwujudkan khusus untuk memudahkan pertukaran alamat pada kad pengenalan.

PEMBERITAHUAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI
TARIKH [SILAM]
 05.04.2011 (SELASA)

TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sistem untuk pemantauan awal serta stok penimbal bagi barang keperluan utama untuk mengelakkan berulangnya masalah kekurangan bekalan seperti minyak masak dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Dewan, stok penimbal bukan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Ianya melibatkan kementerian-kementerian lain dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Peladangan Perusahaan dan Komoditi, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, FAMA dan lain-lain.

Pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bertanggungjawab memastikan bekalan

barang kawalan adalah mencukupi melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 dan memantau harga barang terkawal melalui Akta Kawalan Harga 1946. Satu Jawatankuasa harga dan Bekalan telah diwujudkan yang dianggotai oleh Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat bagi menyelaras harga dan bekalan barang-barang keperluan harian.

Kementerian juga telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan kerjasama dengan FAMA, FELDA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Koperasi-koperasi) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mewujudkan pusat pengedaran dan penyimpanan barang kawalan di seluruh negara mengikut zon bagi dijadikan mini stok sekiranya masalah kekurangan bekalan barang kawalan berulang.

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA TARIKH PEMBERITA DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
SOALANHUAN 5 APRIL 2011 (SELASA)

Dr. Che Rosli Bin Che Mat minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan universiti luar negara yang telah wujud di Malaysia dan universiti yang berminat membuka cawangan mereka dalam Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010, terdapat lima IPTS kampus cawangan luar negara telah ditubuhkan di Malaysia iaitu *University of Nottingham in Malaysia* (UNIM), *Monash University Malaysia* (MUSM), *Curtin University of Technology Sarawak Campus Lutong* (CUSM), *Swinburne University of Technology (Sarawak Campus)* dan *Newcastle University Medicine Malaysia* (NUMed).

Manakala, universiti luar negara yang berminat untuk menubuhkan kampus cawangan nya adalah *Southampton University*, *Raffles University*, *University of Reading*, *Institute of Management Technology, India* dan *University of East Anglia, United Kingdom*.

SOALAN NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

TARIKH: 5 APRIL 2011

SOALAN:

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah terdapat sebarang cadangan atau kajian yang dijalankan untuk mengkaji semula Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan 1967 yang dilihat lebih mengutamakan majikan berbanding pekerja bagi memastikan kebijakan dan hak pekerja lebih terjamin.

PR-000-L42464

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1.

P

ada masa ini, Kementerian Sumber Manusia dalam proses mengkaji dan menyemak semula undang-undang perburuhan agar bersesuaian dengan kehendak semasa. Bagi tujuan ini, PEMUDAH Lab Human Capital dari 21 Februari 2011 hingga 1 April 2011 mengadakan makmal yang bertujuan membincang, mengkaji dan mempertimbangkan semua aspek yang berkaitan dengan pindaan undang-undang perburuhan.

2.

K

SM turut juga mengadakan perbincangan bersama wakil majikan dan pekerja bagi mendapat pandangan dan maklumbalas dalam menyelaras undang-undang

Tuan Yang Di Pertua,

perburuhan berkaitan agar lebih jelas, komprehensif dan menyeluruh.

3. Secara dasamya undang-undang sedia ada memberi perlindungan dan menjaga kebajikan pekerja serta majikan. Sehubungan itu tidak timbul isu bahawa Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 lebih mengutamakan majikan berbanding pekerja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 5 APRIL 2011 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]

SOALAN

Y.B. DR. LO¹ LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [TITIWANGSA] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah polisi Kerajaan dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan dan golongan peneroka bandar untuk memiliki rumah sendiri serta apakah status pemilikan pembelian rumah-rumah PPR oleh penduduk-penduduk ppr dan berapa ramai yang memohon, berapa yang diluluskan dan apakah permasalahan kepada yang gagal ditolak permohonan mereka

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan Negara (DRN) baru sahaja dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 10 Februari 2011 yang lepas. Salah satu daripada objektif DRN adalah untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemapanan hidup rakyat. Selaras dengan Teras 1

SOALAN (40)

DRN, "Penyediaan Perumahan Yang Mencukupi Mengikut Keperluan Khusus Golongan Yang Memerlukannya", Kerajaan akan meneruskan usaha penyediaan Perumahan Rakyat Mampu Milik (PRMM) untuk disewa atau dibeli untuk golongan berpendapatan rendah, setinggan serta peneroka bandar. Beberapa program perumahan di pelbagai agensi Kerajaan (Persekutuan dan Negeri) telah dilaksanakan seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT),

Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Mampu Milik di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) serta Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Kerajaan telah bersetuju supaya rumah-rumah kos rendah awam yang disewa di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dijual kepada penyewa atau penghuni yang layak. Bagi negeri-negeri lain Kerajaan akan melaksanakan penjualan ini sekiranya penjualan rumah kos rendah awam berjaya sepenuhnya. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, sebanyak 44,146 unit (RKRA termasuk PPR) daripada 37 projek akan ditawarkan untuk dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35,095 borang tawaran telah diedarkan. Daripada jumlah borang yang telah diedarkan, didapati bahawa:

- i) 24,658(55.8%) - penghuni berminat untuk membeli;
- ii) 10,437(23.6%) - penghuni ingin kekal menyewa dan
- iii) 9,051(20.5%) - tidak memberi maklum balas kepada tawaran.

Masalah kepada yang gagal mendapatkan pinjaman / tidak layak membeli:

- i) Ramai penghuni yang tidak mengemukakan permohonan disebabkan disenaraihitamkan atau dibelenggu beban hutang yang tinggi.

- ii) Penghuni lebih berminat untuk kekal menyewa rumah tersebut kerana kadar sewa yang rendah iaitu RM124 sebulan.
 - iii) Penghuni enggan membayar ansuran pinjaman perumahan yang lebih tinggi daripada kadar sewa bulanan.
- iV) Penghuni enggan membayar kos penyelenggaraan sekiranya membeli rumah-rumah tersebut.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUKDR. MARCUS MO]IGOH

KAWASAN : PUTATAN

TARIKH : 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. MARCUS MO]IGOH (PUTATAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan Kota Kinabalu-Beaufort (antara KKIA-Sabindo) terutama sekali pada waktu *rush hour*, dan

- (b) bilakah cadangan pelebaran jalan (Petagas-Sabindo) serta cadangan pembinaan jalan alternatif yang dicadangkan akan dilaksanakan. Sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai kesesakan trafik yang berlaku, khususnya pada waktu puncak di jalan Persekutuan dari simpang Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) - Petagas - Sabindo - Lok Kawi, Sabah. Laluan ini mencatatkan jumlah aliran trafik yang tinggi, iaitu purata sebanyak 25,500 kenderaan sehari. Keadaan berpunca antara lain disebabkan oleh peningkatan jumlah kenderaan yang berdaftar di kawasan Pantai Barat Negeri Sabah.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah mengenai pasti keperluan dan cadangan untuk menaik taraf Jalan Kepayan berhampiran KKIA, iaitu dari Sungai Petagas ke persimpangan Lok Kawi dengan standard piawai JKR R5, 3 lorong 2 hala sepanjang 9.2 kilometer. Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM90 juta. Di samping itu, kementerian ini juga akan menjalani Kajian Kemungkinan untuk membina jalan persisiran pantai yang akan menghubungkan Terminal KKIA dengan Terminal Kargo. Kedua-dua projek tersebut akan dipohon untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKeO, tertakluk kepada kelulusan oleh Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN

42 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH

JAWAB LISAN
TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [
JELUTONG] 5 APRIL 2011, SELASA

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah penubuhan Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) tidak bertentangan dengan konsep Satu Malaysia. Kenapa ianya tidak diseimbangkan dengan penubuhan Peneraju Agenda Bukan Bumiputera supaya kepentingan seluruh warga Malaysia terpelihara dan terjamin tanpa kiraan kaum dan keturunan.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

Objektif utama penubuhan TERAJU adalah untuk menyelaraskan transformasi serta memperkuatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi bagi merapatkan jurang ekonomi yang wujud di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Pada masa yang sama, penubuhan TERAJU tidak mengenepikan komitmen Kerajaan dalam membangunkan semua etnik di Malaysia malahan akan bersama dalam mengerakkan usaha ke arah mencapai matlamat negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kerajaan prihatin dan akan terus komited dalam usaha untuk memastikan keseimbangan pembangunan sosioekonomi dan membasmi serta mengurangkan jurang ketaksamaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Justeru, langkah penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sama sekali tidak bercanggah dengan Konsep 1 Malaysia malah sebagai pelengkap kepada usaha Kerajaan dalam memastikan semua rakyat Malaysia mendapat peluang dan kemakmuran ekonomi selaras dengan prinsip inklusif yang turut digunakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Model Baru Ekonomi dan Program Transformasi

Soalan No : 43

Ekonomi

Soalan No : 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
(LIMBANG)

TARIKH 05.04.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan membina sekolah berpusat di sepanjang Sungai Limbang untuk menggantikan 5 buah sekolah kebangsaan yang sudah lama dan berdekatan antara satu dengan yang lain di sepanjang Sungai Limbang sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil maklum akan permohonan untuk membina sekolah pusat di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, sebelum cadangan untuk membina sesebuah sekolah pusat dipertimbangkan, beberapa perkara perlu diambil kira. Di antaranya adalah bilangan murid, bilangan guru dan persetujuan serta komitmen semua pihak dalam penutupan sekolah-sekolah kecil dalam kawasan tersebut. Selain daripada itu, kedudukan sekolah berpusat yang dicadangkan berbanding kawasan tempat asal murid-murid perlu juga diberi perhatian kerana ianya akan melibatkan kos pengangkutan murid-murid yang akan belajar di sekolah berpusat tersebut, walaupun bukan sebagai pelajar harian. Di samping itu juga persetujuan semua ibubapa kepada murid-murid untuk berpindah ke sekolah pusat serta penutupan sekolah asal mereka perlu diperolehi. Dimaklumkan juga bahawa Jabatan Pelajaran Sarawak melalui peruntukan mengurus telah melaksanakan pembaikan kecil untuk sekolah-sekolah yang terlibat. Rjm9i

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN 44

PERTANYAAN

**LISA
N**

Y.B. DR. HIEW KING CHEU

[KOTA KINABALU]

TARIKH

5 APRIL 2011

**SOALAN
DARIPADA**

**MEMINTA MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Sama ada “Patung Mazu” boleh dibina bagi tujuan pelancongan dan bukan untuk digunakan sebagai tempat sembahyang dan jika patung adalah sebagai ‘sculpture’ dan bukan digunakan sebagai patung agama, bolehkah ianya didirikan.

JAWAPAN

I uan Yang di-Pertua,

Pelancongan agama merupakan salah satu produk *niche* negara kerana mempunyai kepelbagaian kaum dan agama. Walau bagaimanapun, cadangan bagi pembinaan sebarang produk pelancongan di peringkat negeri, adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Kementerian Pelancongan akan bekerjasama rapat dengan badan pelancongan di bawah Kerajaan Negeri untuk mempromosikan produk tersebut bagi menarik kedatangan lebih ramai pelancong.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO:45

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

YB PUAN TAN AH ENG
[GELANG PATAH]

TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT

5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN

NO. 45

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) adakah pihak Kementerian bersetuju dengan langkah TNB yang mengeluarkan bil elektrik secara anggaran tanpa semakan meter dua bulan sekali; dan
- (b) langkah-langkah Kementerian untuk menyelesaikan masalah pengusikan meter TNB dan tuduhan yang tidak tepat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa prihatin akan aduan-aduan yang diterima dari rakyat dan ketika ini Kerajaan sedar akan terdapatnya banyak aduan mengenai cara semakan meter yang dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) secara dwi-bulanan atau *alternate meter reading*, dengan izin.

Pembacaan bil secara dwi-bulanan ini tidaklah bertentangan dengan peraturan sedia ada di mana Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 telah memperuntukkan bahawa:

“Bil-bil berkenaan dengan amaun yang kena dibayar kepada pemegang lesen akan diberikan kepada pengguna secara bulanan dan hendaklah dibayar dalam masa 30 hari selepas penyerahannya.”

Kementerian ini secara dasarnya bersetuju dengan langkah TNB untuk membaca bil secara dwi-bulanan memandangkan perkara ini adalah merupakan amalan lazim di negara-negara maju seperti di Singapura, Australia serta negara-negara Eropah dan ini dapat menjimatkan kos operasi TNB dan seterusnya disalurkan kepada kadar tarif elektrik yang lebih kompetitif. Sungguhpun begitu, Kementerian akan sentiasa meneliti dan memantau punca-punca utama aduan daripada rakyat berkenaan dengan pembacaan bil secara dwi-bulanan ini dan akan menyelesaikannya bagi membolehkan rakyat tidak dibebankan.

Tuan Yang Dipertua,

Sememangnya terdapat aduan yang diterima daripada rakyat berkenaan dengan pengusikan meter TNB dan terdapat aduan mengenai pihak TNB telah memotong bekalan disebabkan pengusikan meter tersebut yang tidak dilakukan oleh pengguna. Bagi mengatasi masalah ini, adalah dicadangkan agar pengguna menghubungi Suruhanjaya Tenaga yang merupakan badan kawal selia bagi pembekalan elektrik untuk membolehkan siasatan dilakukan dan seterusnya menentukan ketepatan aduan tersebut.

Selain itu, Kementerian kini adalah dalam proses untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 bagi membolehkan tahap penguatkuasaan oleh Suruhanjaya Tenaga dapat ditingkatkan dan seterusnya memudahkan untuk pihak Suruhanjaya Tenaga menjalankan siasatan yang lebih terperinci ke atas aduan yang diterima tanpa mengganggu bekalan elektrik kepada pengguna.

Namun begitu, ingin ditegaskan di sini bahawa kes-kes usikan meter adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 37 (3), Akta Bekalan Elektrik 1990 di mana kes usikan meter ini dikenal pasti sebagai medium dalam mencuri bekalan elektrik. Ini merupakan salah satu daripada masalah yang menyebabkan kepada kehilangan hasil kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan ini secara tidak langsung menyebabkan Kerajaan juga kehilangan hasil dari pungutan cukai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]
TARIKH	5 April 2011 (Selasa)
SOALAN	: Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos-kos publisiti termasuk kos hari pelancaran, roadshow, iklan dan lain-lain yang dibiayai Kerajaan bagi Program Transformasi Kerajaan dan Ekonomi (<i>Government Transformation Programme dan Economic Transformation Programme</i>).

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri DrKoh Tsu Koon)

Seperti yang sedia maklum, Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang melibatkan perlaksanaan enam (6) NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara) dan

No. SOALAN: 46

mobilisasi ratusan ribu penjawat awam, misalnya guru dan polis, serta Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang melibatkan perlaksanaan 12 NKEA (Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi) dan 131 *Entry Point Projects* (EPPs) dengan penyertaan sektor swasta secara aktif, sememangnya merupakan dua

(2) program raksasa yang sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri.

Keberkesanan perlaksanaan GTP dan ETP bukan sahaja bergantung kepada pemasukan oleh para menteri dan penyampaian oleh semua penjawat awam yang berkenaan, tetapi ianya juga memerlukan sambutan, kerjasama dan penglibatan orang awam, sama ada sebagai kumpulan sasaran yang menikmati hasil dari perlaksanaan secara langsung ataupun tidak langsung, dan juga

sebagai peserta secara aktif, khasnya bagi NKRA memerangi jenayah dan rasuah di bawah GTP, serta bagi setiap NKEA.

Oleh itu, adalah amat penting untuk dilaksanakan pada masa yang sama satu strategi komunikasi dan publisiti untuk memberi penghuraian secara jelas dan terperinci mengenai segala aspek berkaitan dengan tujuan dan pelaksanaan GTP dan ETP supaya kedua-dua transformasi ini dapat difahami, dihayati dan disokong oleh rakyat jelata. Strategi komunikasi dan publisiti sememangnya melibatkan pelbagai saluran seperti Hari Terbuka, Hari Pelancaran, *road show*, iklan dan lain-lain.

Bagi GTP, jumlah kos untuk tiga (3) Hari Terbuka di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu serta Hari Pelancaran dan pameran di Kuala Lumpur, serta pameran mengenai isu-isu rasionalisasi subsidi adalah sebanyak RM 5.4 juta , manakala kos untuk pelbagai saluran komunikasi dan publisiti ialah RM 9.7 juta, menjadikan jumlah besar setakat ini sebanyak RM 15.1 juta. Memandangkan bahawa perbelanjaan yang ditetapkan untuk perlaksanaan kesemua enam (6) NKRA di bawah GTP pada tahun 2010 ialah RM5.44 bilion, ini bermakna bahawa kos pamiran dan komunikasi adalah kurang daripada 0.28 peratus daripada jumlah kos perlaksanaan, jauh lebih rendah daripada kadar komunikasi yang dibelanjakan dalam sektor swasta. Di samping itu, haruslah ditegaskan bahawa perlaksanaan enam (6) NKRA pada tahun 2010 sudah mencapai prestasi lebih daripada 93 peratus dengan membelanjakan RM4.31 bilion ataupun hanya hampir 80 peratus dari belanjawan yang disediakan. Ini

mencerminkan keberkesanan perbelanjaan berbaloi atau *value for money*.

Mengenai ETP pula, setakat ini, jumlah kos untuk tiga (3) Hari Terbuka dan Hari Pelancaran berjumlah RM 5.7 juta, manakala kos komunikasi berjumlah RM 6.8 juta, menjadikan jumlah besar bagi pameran dan komunikasi sebanyak RM 12.5 juta. Pada masa yang sama, 60 projek di bawah 46 EPP's (Entry Point Projects) telah diumum dan dilancarkan, yang berpotensi menjanakan pelaburan sebanyak RM 94.4 bilion, serta dijangka menghasilkan Pendapatan Negara Kasar (*Gross Nasional Income*) sebanyak RM 137.20 bilion dan sebanyak 224,358 peluang pekerjaan. Dalam konteks ini, kadar kos pamiran dan komunikasi berbanding dengan jumlah pelaburan adalah hanya lebih kurang 0.013 peratus, yang merupakan satu kadar yang amat rendah berbanding dengan amalan korporat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA**

Tuan Kamalanathan
LISA
N/T Panchanathan

KAWASAN

Hulu Selangor

TARIKH

5.4.2011 (Selasa)

NO. SOALAN

47

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor]
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan status perlaksanaan industri
kereta hybrid yang akan diwujudkan di Bukit Tagar.
Selain daripada industri tersebut, adakah perancangan
untuk membawa masuk pelabur asing untuk
mewujudkan industri yang lain di kawasan Hulu
Selangor.**

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

**Projek kereta hibrid akan dijalankan di Bukit Tagar di
kawasan seluas 100 ekar untuk fasa 1 (2011-2013) dan
200 ekar untuk fasa 2 (2013-2016). Syarikat akan
mengemukakan dengan izin, *layout pelan* kepada Pihak
Berkuasa Tempatan pada akhir bulan ini. Mengikut**

syarikat yang akan membuat pelaburan ini, pelaksanaan projek ini dijangka mengambil masa selama 3 tahun. Syarikat dijangka memulakan operasi pengeluaran pada tahun 2013.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha-usaha untuk menarik pelaburan ke Malaysia terutamanya dalam sektor-sektor berteknologi tinggi, nilai ditambah tinggi serta berintensif pengetahuan dan modal.

Walau bagaimanapun, keputusan menempatkan sesebuah projek di mana-mana negeri atau lokasi di Malaysia adalah terpulang kepada para pelabur. Pemilihan lokasi dan penempatan projek biasanya berdasarkan kepada pelbagai faktor termasuk kewujudan prasarana terbina seperti taman teknologi tinggi, taman perindustrian, zon perindustrian bebas, kewujudan institusi pengajian tinggi tempatan dan pusat penyelidikan, kemudahan utiliti, kemudahan rangkaian pengangkutan dan kewujudan klaster industri tempatan untuk kelancaran operasi projek dalam urusan pembekalan bahan mentah, komponen dan perkhidmatan oleh vendor tempatan.

PERTANYAAN : LISAN

NO. SOALAN: 48

DARIPADA Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan Pusat merancang untuk menyamakan saiz kawasan pengundian dan nombor pengundi (*equalise constituency size and number of voters*). Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN:

DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak dapat memperseimbangkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana perbezaan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Pada amnya kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan saiz kawasan dan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya adalah dibenarkan oleh undang-undang sepetimana diperuntukkan di bawah Fasal 2, Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan

prinsip-prinsip yang berhubungan dengan penyempadan bahagian-bahagian pilihan raya.

Walau bagaimanapun, bagi menyelaras dan menyeimbangkan keluasan kawasan dan bilangan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya, Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan kriteria-kriteria bagi persempadan bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti berikut:-

KATEGORI BAHAGIAN	KRITERIA		
	LUAS KAWASAN (KM ²)	JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN *	JUMLAH BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI
BANDAR	8-49	60,000 KE ATAS	25,000 KE ATAS
SEPARUH BANDAR	50 - 250	30,000-59,000	15,000-24,000
LUAR BANDAR + PENDALAMAN	>250	30,000 KE BAWAH	15,000 KE BAWAH

* Kecuali bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan

Sekian, terima kasih.
DARIPADA

DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**
(SEPANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 05.04.2011

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed (Sepang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilangan peminjam dan jumlah pinjaman institusi kewangan yang gagal dijelaskan oleh para peminjam buat masa ini dan apakah strategi Kerajaan untuk membantu golongan ini terutama mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah bagi mengelakkan mereka diisytiharkan muflis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dari akhir tahun 2007 hingga akhir tahun 2010, jumlah pinjaman tak berbayar bagi bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam telah menurun sebanyak 45% iaitu daripada RM48 bilion kepada RM26.7 bilion. Nisbah pinjaman tak berbayar kepada jumlah pinjaman bersih sistem perbankan pada akhir tahun 2010 berada pada tahap rendah sebanyak 2.3% berbanding dengan nisbah pinjaman tak berbayar sebanyak 3.2% pada akhir tahun 2007.

2. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan, Bank Negara Malaysia dan

institusi perbankan untuk membantu golongan berpendapatan sederhana dan rendah yang menghadapi masalah kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui Program Pengurusan Kredit, menolong menstrukturkan semula pinjaman dan meringankan beban kewangan individu tersebut;
- (ii) Memberikan penangguhan bayaran balik pinjaman perumahan selama satu tahun bagi peminjam yang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan akibat krisis kewangan global tahun 2008. Skim ini ditamatkan selepas 9 Mac 2010;
- (iii) Menurunkan had maksimum bayaran lewat kad kredit daripada RM75 kepada RM50 mulai bulan Julai 2009; dan
- (iv) Menggalakkan institusi perbankan menyusun dan menstrukturkan semula pinjaman dan memperkuuh tanggungjawab institusi-institusi perbankan untuk menilai keadaan kredit pelanggan bagi memastikan produk kewangan yang ditawarkan menepati keperluan dan kemampuan mereka. Inisiatif ini penting untuk mengelakkan masalah hutang (*leveraj*) yang terlalu tinggi oleh isi rumah.

3. Pelbagai saluran juga telah disediakan oleh pihak Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia untuk orang ramai

mengemukakan masalah berkaitan dengan pembiayaan mereka iaitu:

- (i) ABMConnect
1-300-88-9980
- (ii) BNMLINK, Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
- (iii) BNMTELELINK
Tel: 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.mv

SOALAN NO: 50

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

RUJUKAN SOALAN

LISAN

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **YB. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU]**
MENTERI **SELASA, 5 APRIL 2011**
WILAYAH **10 [PR-000-L41999]**

PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan rasional dan sebab-sebab mengapa perlunya lagu negeri bagi Wilayah Persekutuan ditukar ganti.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bayan Baru, keputusan untuk menukar lagu rasmi Wilayah Persekutuan adalah susulan daripada pandangan Kabinet pada awal bulan Januari tahun 2010 bahawa lagu Wilayah Persekutuan sedia ada perlu diberi **nafas baru** supaya ianya lebih '**vibrant**'.

Keputusan ini juga adalah sejajar dengan aspirasi pucuk kepimpinan negara khususnya selepas pertambahan fungsi baru dan penjenamaan semula kementerian dari Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) kepada sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).

Sehubungan itu, lagu Wilayah Persekutuan sedia ada telah dibuat pengubahsuaian tetapi masih mengekalkan tajuk '**Maiu dan Seiahtera**'. Melodi dan lirik seni kata ditukar dengan ciri-ciri terkini yang dapat **membanakitkan semanaat** supaya **lebih ceria dan rancak** serta mampu **membanakitkan semanaat patriotik** di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Disamping itu, senikata dan melodi lagu baru digubah bagi menzahirkan lambang kebanggaan dan inspirasi untuk memartabatkan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah entiti yang aktif, progresif dan dinamik.

No. SOALAN: 51

LISAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] 5

April 2011 (Selasa)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA TARIKH

SOALAN Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong]
minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini mengenai kedudukan NKRA yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri DrKoh Tsu Koon)

Dalam tempoh lebih setahun, pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah mendatangkan hasil-hasil awalan yang ketara dan menggalakkan untuk manfaat rakyat melalui enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA iaitu jenayah, rasuah, pendidikan, infrastruktur asas luar bandar, pengangkutan awam bandar dan isirumah berpendapatan rendah.

Misalnya, untuk NKRA jenayah, kadar indeks jenayah keseluruhan pada tahun 2010 telah menurun sebanyak 15% berbanding dengan sasaran 5% dan kadar jenayah jalanan atau “*street crimes*” sebanyak 35% berbanding dengan sasaran 20% melalui tumpuan untuk mobilisasi hampir 30,000 anggota polis beruniform dari kawasan-kawasan kurang jenayah, dari mereka yang bertugas kekeranian dan Polis Hutan (PGA) ke 50 kawasan “hot-spots”. Keselamatan dan keyakinan rakyat telah meningkat.

Bagi NKRA rasuah, persepsi rakyat terhadap keberkesanan Kerajaan dalam menangani rasuah telah meningkat daripada 28% pada tahun 2009 kepada 48% pada tahun 2010, mengikut kajian *Transparency International Global Corruption Barometer*

setelah Kerajaan melaksanakan beberapa langkah, di antaranya meluluskan dan mewartakan Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat

dan melancarkan portal "MyProcurement" untuk menyebarkan maklumat berkaitan perolehan kerajaan dan meningkatkan ketelusan urusan tender.

Untuk NKRA Meningkatkan Pendidikan yang memberi fokus utama terhadap pendidikan pra-sekolah, sebanyak 1,358 buah kelas baru telah dimulakan yang memberi manfaat kepada 54,569 kanak-kanak. Selain itu, kesemuanya 9,816 buah sekolah rendah pelbagai aliran telah dinilai mengikut *ranking*, supaya mengetahui kekuatan dan kelemahan secara perbandingan. Kadar '*literacy*' mencapai 85% dan kadar '*numeracy*' 91% untuk murid-murid pada darjah 1. *School Improvement Toolkit* telah diperkenalkan kepada semua sekolah untuk memberi tumpuan dan panduan kepada empat (4) fokus utama, iaitu, pengetua, guru, pelajar dan infrastruktur untuk mempertingkatkan prestasi pelajar. Sebanyak 20 sekolah telah dinamakan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi pada 2010.

Bagi NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar, setakat tahun 2010, 775 km jalan raya telah dibina, 35,291 rumah disambungkan dengan bekalan air bersih, 27,209 rumah dengan bekalan elektrik, manakala 16,926 buah rumah telah dibina atau dibaikpulih untuk penggunaan keluarga miskin. Kesemua inisiatif tersebut telah memanfaatkan lebih 2 juta orang yang tinggal di kawasan luar bandar/ pedalaman.

Untuk NKRA Pengangkutan Awam Bandar bagi Kuala Lumpur dan Lembah Klang, sasaran adalah untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. 22 keretapi LRT 4 gerabak telah bermula beroperasi sejak bulan Januari 2010 dan menghasilkan penambahan sebanyak 2.43 juta penumpang berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

Di bawah NKRA Menaik Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah, penurunan sebanyak 99.76% golongan miskin tegar dari 44,643 pada penghujung tahun

2009 kepada hanya 108 orang pada penghujung bulan Disember 2010. Di samping itu, 12,893 orang sedang menyertai dan menikmati program 1Azam yang terdiri daripada AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja dan AZAM Khidmat

Walaupun kebanyakan pelaksanaan NKRA berjalan lancar mengikut jadual, namun, sebarang transformasi memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda dan cara mengurus. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Kerajaan memerlukan dan mengalu-alukan maklumbalas, kritikan yang membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak dan langkah-langkah ini terus dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan mencapai hasil yang lebih baik bagi rakyat pada masa yang terdekat ini.

DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG

(WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 05.04.2011

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kerugian terperinci yang mana Bank Negara Malaysia (BNM) terpaksa menanggung kerugian besar akibat kesalahan dalam pencetakan wang kertas Malaysia, yang menimbulkan masalah kekurangan wang kertas baru untuk Perayaan Tahun Baru Cina, serta memberi nama agensi atau syarikat yang dilantik untuk menguruskan kerja pencetakan wang oleh Thomas de la Rue di UK dan mengapakah BNM tidak menuntut pampasan dari syarikat yang dilantik.

JAWAPAN:

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kejadian dalam percetakan wang kertas adalah berpunca daripada percetakan yang kelihatan kurang jelas atau luntur sekiranya dibasuh menggunakan bahan cucian/peluntur yang berat. Namun, Bank Negara Malaysia (BNM) ingin memaklumkan bahawa ia tidak mengalami sebarang kerugian atau beban kewangan ekoran daripada masalah percetakan wang kertas tersebut. Ini kerana di bawah perjanjian pesanan yang ditandatangani di antara BNM dan syarikat pencetak wang kertas berkenaan, syarikat tersebut bertanggungjawab ke atas segala kos, bayaran atau apa-apa tanggungan lain sekiranya berlaku sebarang masalah yang berpunca daripada kegagalan pihak syarikat tersebut dalam melaksanakan kontrak percetakan yang diberikan.

2. Berkaitan dengan kontrak pembekalan dan percetakan wang kertas, BNM hanya berurusan secara terus dengan syarikat-syarikat pencetak mata wang yang mempunyai reputasi yang tinggi serta memenuhi syarat-syarat ketat yang telah diluluskan oleh ahli lembaga pengarah BNM. Antara syarat-syarat tersebut termasuklah mempunyai status kewangan yang kukuh, kepakaran, pengalaman, kualiti perkhidmatan, kapasiti dan keupayaan teknologi mencetak. Segala urusan seperti sebut harga, pembayaran dan urusan penghantaran adalah dibincangkan secara terus dengan syarikat-syarikat tersebut

tanpa melalui broker atau agen.

3. BNM juga sentiasa memantau kedudukan bekalan wang kertas di dalam pasaran bagi memastikan bekalan wang kertas adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan orang ramai. BNM juga turut mengambil maklum tentang permintaan yang tinggi ke atas wang kertas baru bagi kegunaan semasa musim-musim perayaan dan memastikan permintaan tinggi ini dipenuhi dengan membekalkan stok wang kertas yang mencukupi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS B. HAJI HARON

SOALAN

[TANGGA BATU]

TARIKH

53

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan mengapakah bencana banjir yang berlaku hampir seluruh negara pada bulan Januari dan Februari yang lalu tidak dapat dijangka lebih awal sedangkan jawapan Kementerian pada soalan saya yang lalu menyatakan pihak Kementerian mempunyai kaedah-kaedah yang terkini untuk meramal cuaca yang tidak menentu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi kejadian banjir di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang yang bermula pada 30 Januari 2011, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah mengeluarkan amaran awal hujan lebat tahap kuning pada 27 Januari 2011, diikuti amaran tahap jingga pada 30 Januari 2011 dan amaran tahap merah pada 30 Januari 2011 kepada pihak pengurusan bencana, media dan orang awam.

Fenomena perubahan iklim dan pemanasan global yang berlaku pada masa ini telah menyebabkan peningkatan berlakunya kejadian cuaca ekstrem di seluruh dunia, tidak terkecuali di negara kita. Selain daripada itu, keragaman iklim semulajadi contohnya fenomena La Nina kuat yang bermula pada Jun 2010 adalah antara punca berlakunya hujan yang lebih lebat di negara kita pada bulan Oktober dan November 2010 di Kedah dan Perlis serta pada bulan Januari dan Februari 2011 di Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, perubahan iklim ini juga kadangkala telah mengurangkan ketepatan dan keupayaan bagi meramal cuaca untuk tempoh yang panjang terutamanya di kawasan tropika seperti negara kita.

Tuan Yang di Pertua,

Para penyelidik di JMM berterusan menambahbaik prestasi dan kejituhan sistem ramalan dan amaran awal cuaca buruk di JMM. Walaubagaimanapun keupayaan komputer di JMM perlu dipertingkatkan dan bilangan radar cuaca ditambah untuk membolehkan ramalan cuaca yang lebih tepat dihasilkan.

Selain daripada hujan lebat, terdapat pelbagai punca lain yang menyebabkan banjir seperti bentuk muka bumi, lokasi sesuatu kawasan, kadar pelepasan air empangan, aliran sungai dan saliran serta keadaan air pasang. Bagi membolehkan amaran banjir yang lebih awal dikeluarkan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kini sedang membangunkan satu sistem ramalan banjir, berasaskan model atmosfera dan Radar-Satelit yang berkeupayaan meramalkan kawasan yang akan dibanjiri akibat daripada limpahan sungai tiga hari lebih awal. Sistem ini sedang dibangunkan untuk lembangan-lembangan sungai yang selalu mengalami banjir monsun yang teruk iaitu Sg. Pahang, Sg. Kelantan dan Sg.Johor dan dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di samping itu, JPS juga sedang membangunkan Sistem Bersepadu Ramalan Banjir dan Pengawasan Sungai untuk Lembangan Sg. Klang (Lembah Klang) dan Sg.Muda (Kedah/Pulau Pinang) yang juga dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di bawah RMK-10 dalam *First Rolling Plan* (2011-2012), JPS akan membangunkan tiga lagi model ramalan banjir menggunakan model atmosfera dan Radar-Satelit untuk lembangan-lembangan Sungai Sarawak di Sarawak, Sungai Padas di Sabah dan Sungai Muar di Johor.

NO. SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN
	TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [
TARIKH	BAGAN SERAI]
	05.04.2011 (SELASA)

TUAN MOHSIN FADZLI BIN AJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan satu cara khusus dalam menangani masalah kekurangan barang keperluan asas di pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Dewan, pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bertanggungjawab memastikan bekalan barang kawalan adalah mencukupi melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 dan memantau harga barang terkawal melalui Akta Kawalan Harga 1946.

Sebagai langkah meningkatkan daya dan kecekapan pasaran serta memastikan pengedaran barang kawalan yang efisyen .Kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan kerjasama dengan FAMA, FELDA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Kementerian Pertanian dan Industri

Asas Tani untuk mewujudkan pusat pengedaran dan penyimpanan barang kawalan di seluruh negara mengikut zon bagi dijadikan mini stok sekiranya masalah kekurangan bekalan barang kawalan berulang.

PEMBERITA

HUNA
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAA

PERTANYAAN

LISA
N

DARIPAD

A

**YB. Datuk Alexander
Nanta Linggi [Kapit]**

TARIKH

05.04.2011 (Selasa)

NO. SOALAN

55

YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan jumlah tempat di Malaysia
yang boleh diiktiraf sebagai hab halal (Halal Hub).
Jelaskan potensi sebenar industri hab halal ini di
Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

**Halal Industry Development Corporation (HDC) telah
mewujudkan satu garispanduan bagi pembangunan**

**Taman-Taman Halal untuk digunakan oleh setiap
negeri. Bagi membolehkan taman-taman halal ini
diiktiraf**

DEMPERITAHUAN PERTANYAAN

sebagai taman halal, ianya perlulah memenuhi kriteria berikut iaitu:-

- (1) Mempunyai keluasan melebihi 100 ekar;**
- (2) Pembangunan *international trading house* samada secara fizikal ataupun e-dagang;**
- (3) Pembangunan pusat rujukan halal antarabangsa yang boleh digunakan oleh pengeluar, pengimpor, pengekspot, pihak industri, pedagang, ahli akademik, saintis dan sebagainya;**
- (4) Perdagangan produk halal, pusat servis halal, logistik dan pengkalan data yang bersesuaian untuk produk halal, ingredien dan bahan mentah;**
- (5) Kemudahan dan infrastruktur asas di dalam taman halal perlulah mematuhi Piawaian Antarabangsa;**
- (6) Makmal yang sedia ada untuk R & D dan analisis prosedur bagi produk halal;**
- (7) Taman halal mestilah mempunyai Kumpulan Pengurusan Taman Halal yang mana akan bertanggungjawab kepada syarikat di dalam pengurusan taman halal termasuklah pensijilan halal, pelesenan tempatan, kemudahan insentif, pengurusan kumbahan air, logistik & pengangkutan, utiliti asas dan ameniti di dalam**

taman halal; dan (8) Berhampiran dengan pelabuhan, lapangan terbang dan penyediaan pengangkutan darat yang efisyen.

Untuk makluman, pada masa ini, sejumlah 20 Taman Halal telah berjaya diwujudkan di seluruh Malaysia dan dimiliki oleh Kerajaan Negeri atau swasta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 Taman Halal telah beroperasi iaitu:

- (1) Selangor Halal Hub, Pulau Indah;**
- (2) PKFZ Halal Flagship Zone, Pulau Indah;**
- (3) Melaka Halal Hub, Serkam;**
- (4) Pedas Halal Park, Negeri Sembilan;**
- (5) Tanjung Manis Halal Hub, Sarawak;**
- (6) Techpark@enstek, Nilai, Negeri Sembilan;**
- (7) Pengkalan Chepa Halal Food Park, Kelantan;**
- dan**
- (8) Penang International Halal Hub.**

Taman-taman Halal yang lain masih lagi dalam proses perancangan atau di peringkat pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jika dilihat dari potensi sebenar, taman-taman Halal ini telah berjaya menarik pelaburan dianggarkan berjumlah RM

4.67 bilion, ia turut menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 1,500 orang pekerja di pelbagai peringkat. Pelabur-pelabur luar negara yang sudah pun melabur di Taman-Taman Halal ini termasuk daripada negara Jepun, Perancis, Australia, Rusia, Chinese Taipei dan Pakistan.

Di samping itu, terdapat syarikat-syarikat antarabangsa yang terkemuka seperti Cargill, F&N, Coca-Cola, Nestle dan Iain-lain telah melabur di Taman-Taman Halal ini. Pada masa yang sama, terdapat sejumlah 52 syarikat tempatan yang sedang beroperasi di Taman-Taman Halal berkenaan.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA Tuan Muhammad bin Hussain [Pasir Puteh]
TARIKH 5 April 2011 (Selasa)
SOALAN Tuan Muhammad bin Hussain [Pasir Puteh] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
anggaran kerugian dan kerosakan ladang pertanian di Negeri
Johor, Negeri Sembilan dan Melaka akibat banjir awal tahun
ini.
JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI

Tuan Yang Dipertua,

Anggaran kerugian dan kerosakan sektor pertanian di Johor, Negeri Sembilan dan Melaka akibat banjir awal tahun ini adalah berjumlah RM42,946,339 dan melibatkan seramai 6,980 orang petani.

Perincian anggaran kerugian mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Anggaran Kerugian (RM)	Bil. Petani Terlibat (orang)
Johor	36,274,241	5,974
Negeri Sembilan	3,643,112	676
Melaka	3,028,986	330
Jumlah	42,946,339	6,980

NO.AUM : 71

NO.AUP : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]
TARIKH : 5 APRIL 2011
RUJUKAN : 3541

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah buruh-buruh asing yang telah diluluskan untuk setiap sektor ekonomi sejak tahun 2005 sehingga 2011 dan apa tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan perqantungan ke atas tenaga kerja asing.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Aior Gajah di atas soalan yang dikemukakan.

Statistik jumlah pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia, bagi tempoh 2005 hingga 2010 sebagaimana pertanyaan Yang Berhormat adalah seperti di lampiran.

Statistik tersebut menunjukkan bahawa jumlah pekerja asing di negara ini mula berkurangan tahun demi tahun mulai 2008, apabila negara telah mencapai tahap paling tinggi dengan 2,062,596 orang pekerja asing. Pada

NO.AUM : 71

tahun 2010, jumlah ini telah menurun kepada ~~10,17,871~~ 50 orang iaitu penurunan hampir 13%.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan pergantungan terhadap tenaga kerja asing. Di antara langkah-langkah yang berkaitan adalah seperti berikut

i. Mewujudkan *Job Clearing System* (JCS).

Melalui sistem JCS ini, majikan DIWAJIBKAN memohon kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia untuk mendapatkan pekerja asing. JTK akan mengiklankan dalam JCS jawatan-jawatan kosong ini bagi memberi peluang kepada warga tempatan memohon dan

mengisi jawatan-jawatan ini. Sekiranya, tiada pekerja tempatan yang berminat, JTK akan mengeluarkan surat sokongan JCS kepada majikan untuk mengambil pekerja asing. Tindakan ini adalah sebagai jaminan bahawa majikan berusaha untuk mendapatkan pekerja tempatan sebelum dibenarkan mengambil pekerja asing.

ii. Penubuhan Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre - OSC*)

Majikan yang telah mendapat surat sokongan JCS untuk mengambil pekerja asing DIWAJIBKAN untuk menghadiri temu duga di OSC. Di OSC, jumlah pekerja asing yang dibenarkan diambil oleh majikan adalah berdasarkan kepada nisbah (*ratio*) yang telah ditetapkan oleh agensi kawal selia berkaitan. Melalui langkah ini, jumlah pekerja asing yang dibawa masuk dapat dikawal mengikut keperluan sebenar sahaja.

iii. Meningkatkan penggunaan teknologi dalam pengeluaran Industri-industri adalah digalakkan supaya meningkatkan penggunaan teknologi moden dalam proses pengeluaran. Kerajaan, dalam misi pelaburan ke luar negara sentiasa mengingatkan bakal pelabur ke Malaysia bahawa dasar Malaysia adalah meningkatkan penggunaan teknologi, dan mengurangkan penggunaan buruh dalam proses pengeluaran (*capital intensive, high technology*)

iv. Menggalakkan perkhidmatan layan diri atau ‘*self service*’ Sektor-sektor ekonomi khususnya sektor perkhidmatan seperti stesen pam minyak dan restoran adalah digalakkan menggunakan konsep layan diri (*self service*). Konsep ini telah menampakkan perkembangan positif di mana pengusaha-pengusaha stesen minyak telah mula melaksanakan perkhidmatan layan diri dengan jayanya. Bagi subsektor restoran, kebanyakan restoran makanan segera (*fast food*) telah mengamalkan konsep layan diri ini.

v. Penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada Pembantu Rumah Asing, Kerajaan telah menggalakkan sektor awam dan swasta supaya mewujudkan TASKA di tempat kerja masing-masing. Bagi menjayakan program ini, Kerajaan telah memberikan pelbagai insentif kepada pengusaha TASKA ini.

STATISTIK PLKS 2005 - 2010 MENGIKUT TAHUN DAN SEKTOR

Sektor Tahun	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Pembantu Rumah	320,171	310,662	314,295	293,359	251,355	247,069
Pembinaan	281,780	267,809	293,509	306,873	299,579	235,010
Pembuatan	581,372	646,412	733,372	728,867	663,667	672,823
Perkhidmatan	159,662	166,829	200,428	212,630	203,639	165,258
Perladangan	427,415	354,124	337,503	333,900	318,250	266,196
Pertanian	44,831	123,373	165,698	186,967	181,660	231,515
JUMLAH	1,815,238	1,869,209	2,044,805	2,062,596	1,918,146	1,817,871

NO SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN	
PERTANYAAN DEWAN	
PERTANYAAN RAKYAT	LISAN
DARIPADA	DATO' LILAH BIN YASIN
TARIKH	5 APRIL 2011
SOALAN	

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- Apakah pembangunan progresif yang dirancang di Feldajaya Jempol Fasa Kedua; dan
- Berapakah peruntukan yang telah diluluskan dan apakah komponen dalam pembangunan tersebut.

<u>JAWAPAN</u>	DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM
----------------	---

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan fasa kedua (2) Feldajaya Raja Alias masih belum dapat dilaksanakan memandangkan ia masih berada di peringkat kajian dan perbincangan. Namun begitu, pembangunan fasa pertama (1) telahpun siap sepenuhnya pada tahun

2007 lalu. Pembangunan fasa pertama mengandungi komponen seperti kediaman moden sebanyak 88 unit, 10 unit kedai, kompleks tadbiran FELDA, Kolej integrasi Ilmu (KINI), taman rekreasi, pusat perniagaan, stesen bas, pasar, surau, pusat pentadbiran FELDA Wilayah Raja Alias dan sebagainya. Projek tersebut sehingga kini melibatkan kos sebanyak RM93.1 juta.

- (b) FELDA ada menerima cadangan bersama dari Unit Perancang Ekonomi Negeri, Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Jempol bagi sama-sama membangunkan kawasan dimaksudkan ini dengan melibatkan pembinaan kompleks Pejabat Kerajaan, kemudahan stadium, dataran dan sebagainya yang merangkumi perancangan bagi mewujudkan Bandar Baru Jempol. Mengenai cadangan pembinaan rumah kos rendah di bawah projek Perumahan Warga FELDA (PWF) dalam fasa kedua (2), dijangka dimulakan pada tahun 2011. Komponen-komponen terlibat seperti rumah teres kos sederhana rendah sebanyak 150 unit, rumah teres kos rendah sebanyak 400 unit dan 10 unit kedai setingkat. Anggaran awal kos bagi projek PWF ini adalah sebanyak RM50 juta.

oooooooooooooooooooo

NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
 JOSEPH PAIRIN KITINGAN
TARIKH [KENINGAU]
SOALAN 5 APRIL 2011
 59

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi tujuan projek-projek Community TechnoFund bagi RMKe-10, berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi projek-projek di negeri Sabah, dan di manakah projek-projek tersebut dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), dana Pra-Pengkomersilan diperuntukkan sebanyak RM230 juta bagi tempoh pelaksanaan 2011 - 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM140 juta diperuntukkan bagi pembiayaan dana *TechnoFund* manakala RM90 juta diperuntukkan bagi pembiayaan dana *InnoFund* yang merangkumi *Community InnoFund* dan *Enterprise InnoFund*. MOSTI tidak menetapkan peruntukan tertentu untuk sesebuah negeri tetapi ianya tertakluk kepada merit sesuatu permohonan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan Dana Pra-Pengkomersilan.

Proses penilaian permohonan pembiayaan untuk dana Pra-Pengkomersilan telah bermula pada bulan Mac 2011 dan sehingga kini, sejumlah 108 permohonan telah diterima, dan daripada jumlah tersebut, 4 permohonan adalah untuk pelaksanaan projek

NO: 59

di Sabah.

SOALAN NO : 60

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT
DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]

TARIKH 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar Bin Nasarah (Lenggong) minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) Anggaran kerugian dan kemusnahan yang ditanggung oleh Kerajaan atau pihak lain akibat bencana banjir di Utara dan Selatan tanah air baru-baru ini; dan
- b) Perancangan mengatasi bencana banjir pada masa akan datang di semua kawasan dan bagaimanakah tahap kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat dengan bencana banjir terutama negeri yang diperintah pembangkang.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Bagi kerosakan pertanian, jumlah anggaran kerugian yang ditanggung akibat banjir pada hujung 2010 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	ANGGARAN KERUGIAN (RM)
Kelantan	720,200
Kedah	8,045,241
Perlis	2,488,093
MADA	282,296
KADA	11,884,375
JUMLAH	196,422,795

Jumlah anggaran kerugian pertanian yang ditanggung mengikut negeri akibat banjir pada awal 2011 di Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kelantan pula adalah seperti berikut:

NEGERI	ANGGARAN KERUGIAN (RM)
PAHANG	2,733,460
NEGERI SEMBILAN	3,643,112
MELAKA	3,028,986
JOHOR	36,274,241

KELANTAN	95,325
JUMLAH	45,775,124

Tuan Yang Di-Pertua,

- b) Dalam usaha menangani masalah banjir masa hadapan kerajaan telah meluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama (2011-2012) dalam RMKe-10 sebanyak **RM2.057 Bilion**. Manakala peruntukan dipohon di bawah RMKe-10 adalah sebanyak **RM 11 Bilion**. Jumlah anggaran keseluruhan Rancangan Tebatan Banjir ini adalah sebanyak **RM33 Bilion**.

Kerajaan melalui Jabatan Parit dan Saliran telah mengenalpasti kawasan yang sering dilanda banjir dan mengkaji punca-punca banjir. Kerajaan turut menyediakan pelan induk saliran dan tebatan banjir bagi kawasan terlibat. Kerajaan juga sentiasa melaksanakan penaikan taraf sistem saliran, membina benteng banjir, menggantikan struktur-struktur yang menghalang laluan air, membina rumah pam, serta membina kolam-kolam takungan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem perparitan yang terletak di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dibawah Kementerian Perumahan Kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun Jabatan Pengairan dan Saliran telah membantu dalam penyediaan pelan-pelan induk saliran bagi bandar-bandar utama dengan berpandukan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA).

Tuan Yang Di-Pertua,

Pengurusan bencana di peringkat negeri termasuk di kalangan negeri-

negeri yang bukan di perintah oleh Barisan Nasional secara amnya dilaksanakan dengan baik melalui mekanisme Arahan MKN No. 20 "Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara". Seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengurusan bencana merupakan tanggungjawab bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Dalam konteks ini, kerajaan negeri juga boleh memutuskan perkara-perkara berkaitan kebajikan mangsa bencana termasuk menyalurkan peruntukan ke pusat-pusat pemindahan. Pengalaman semasa musim banjir 2010 yang lalu mendapati tidak terdapat masalah besar dalam pengurusan bencana di negeri-negeri terlibat.

Sekian, terima kasih.

C/I

DARIPADA

DATO' SRI ONG TEE KEAT

[PANDAN]

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

05.04.2011

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang mengurangkan kadar faedah serta menjadualkan semula tempoh pembayaran balik pinjamannya bagi membayai projek PKFZ. Jika ya, bila. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini projek PKFZ masih lagi dalam tindakan perbincaraan mahkamah, sehubungan itu sebarang cadangan penjadualan semula pinjaman PKFZ hanya akan dipertimbangkan bergantung kepada keputusan mahkamah kelak.

No. Soalan

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT
DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]

TARIKH : SELASA, 5 APRIL 2011

SOALAN **DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**
[PULAI] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan kronologi sejarah pembinaan tambak serta undang-undang antarabangsa berkenaan dengan kewujudan tambak tersebut. Jelaskan implikasi kepada hubungan dua negara jika Kerajaan merobohkan Tambak Johor secara unilateral tanpa persetujuan Kerajaan Singapura.

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Pulai di* atas soalan yang dikemukakan.

2. Pada tahun 1919, Kerajaan Negeri-Negeri Selat telah mencadangkan pembinaan Tambak Johor bagi menangani kenaikan kos penyelenggaraan perkhidmatan feri yang menghubungkan Johor dengan Singapura. Selain itu, Kerajaan Negeri-Negeri Selat berpendapat adalah perlu untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang lebih menjimatkan bagi jangka masa panjang di antara Johor dengan Singapura. Tambak Johor telah siap dibina dalam masa 5 tahun pada tahun 1924.
3. Secara ringkasnya, kronologi sejarah pembinaan Tambak Johor adalah seperti berikut:-

Tarikh	Perkara
30 Jun 1919	Kerajaan Negeri-Negeri Selat meluluskan supaya kontrak pembinaan Tambak Johor diberikan kepada Messrs Topham, Jones & Railton Ltd, London.
20 Ogos 1919	Enakmen Tambak Johor diwartakan bagi melaksanakan pembinaan

	Tambak Johor. Dalam tahun yang sama (1919), kerja-kerja membina Tambak Johor sepanjang 3,465 kaki dengan kelebaran seluas 60 kaki bermula. ¹
24 April 1920	Upacara Meletakkan Batu Asas Tambak Johor diadakan.
1 Oktober 1923	Tambak Johor telah dibuka secara tidak rasmi untuk penggunaan kenderaan.
11 Jun 1924	Pembinaan Tambak Johor siap sepenuhnya.
28 Jun 1924	Tambak Johor telah dibuka secara rasminya oleh Sir Laurence N. Guillemard, Gabenor Kerajaan Negeri- Negeri Selat.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Sebagaimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, Tambak Johor turut meliputi saluran-saluran paip air yang terdapat di dalam Tambak Johor dan saluran-saluran paip air di sisi Tambak Johor. Berdasarkan hak milik **Public Utilities Board** Singapura ke atas paip-paip air tersebut seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian- perjanjian Air Johor-Singapura 1961 dan 1962, Malaysia perlu

mendapatkan persetujuan Singapura terlebih dahulu sebelum paip-paip air Singapura dapat ditanggalkan atau dipindahkan bagi membina sebarang jambatan bagi mengantikan Tambak Johor.

5. Perjanjian Pemisahan Malaysia-Singapura 1965 juga menjamin obligasi Malaysia terhadap semua perjanjian dengan Singapura, termasuk Perjanjian-perjanjian Air Johor-Singapura. Oleh yang demikian, sebagai sebuah negara yang menghormati prinsip-prinsip dan undang-undang antarabangsa, Malaysia perlu melihat kepada kepatuhan terhadap perjanjian atau obligasinya di samping mewujudkan keharmonian dalam hubungan dengan negara-negara jiran. Malaysia mestilah mematuhi obligasi-obligasi, hak-hak dan kepentingan-kepentingan di bawah undang-undang antarabangsa yang merujuk kepada prinsip-prinsip antarabangsa seperti, dengan izin, *precautionary approach*, *good neighbourliness* dan peruntukan-peruntukan di bawah *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS)*.

Sekian, terima kasih.

No. Soaian

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN

DEWAN RAKYAT ⁷

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA :

YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)

TARIKH :

05 APRIL 2011

SOALAN :

YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah Malaysia bercadang membawa usul undang-undang antarabangsa yang melarang kapal dagang membawa anak kapal bersenjata dipinda bagi membolehkan mereka menangani ancaman

No. Soaian

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN dan serangan lanun dengan segera.**

JAWAPAN
Tuan Yang di-Pertua,

/

Terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak ada sebarang peruntukan undang-undang antarabangsa yang secara khususnya menyentuh mengenai penggunaan senjata api oleh anak-anak kapal dan yang melarang kapal-kapal dagang membawa anak kapal bersenjata. Sehubungan dengan itu, tidak timbul keperluan membawa usul meminda peruntukan undang-undang antarabangsa seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Libaran.
3. Walau bagaimanapun, Pertubuhan Maritim Antarabangsa (International Maritime Organization - IMO) tidak menggalakan kapal-kapal dagang membawa senjata api ataupun membawa anak kapal bersenjata kerana banyak pihak berpandangan ianya membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan. Dalam masa yang sama, IMO berpandangan perkara ini bergantung kepada penilaian sesebuah negara bendera (*flag state*) itu sendiri. Namun begitu, secara umumnya, amalan semasa yang diguna pakai oleh kebanyakan negara adalah untuk tidak menggalakkan kapal-kapal dagang membawa senjata atau anak kapal bersenjata.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pada masa ini, Malaysia juga menggunakan pendekatan yang sama di mana kapal-kapal dagang berpendaftaran Malaysia tidak digalakkan membawa senjata api atau anak kapal bersenjata. Dalam masa yang sama, bagi memastikan keselamatan kapal-kapal berpendaftaran Malaysia semasa melalui kawasan perairan yang menjadi tumpuan aktiviti pelanunian seperti di kawasan Teluk Aden dan perairan Somalia, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Laut Malaysia sentiasa memastikan langkah-langkah yang sewajarnya diambil bagi memastikan kapal-kapal dagang Malaysia selamat daripada ancaman dan serangan lanun. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah menggalakkan pemilik-pemilik kapal melaksanakan langkah-langkah pencegahan seperti yang terkandung di dalam pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (International Maritime Organization - IMO).

5. Kerajaan juga telah menghantar kapal TLDM ke Teluk Aden bagi memastikan keselamatan kapal dagang berpendaftaran Malaysia yang melalui kawasan perairan tersebut. Sejak tahun 2008, kapal-kapal TLDM telah mengiringi kapal-kapal dagang berpendaftaran Malaysia yang melalui kawasan Teluk Aden dan perairan Somalia. Pada masa ini, kapal ***auxiliary*** Bunga Mas 5 menjalankan tugas iringan tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

DARIPADA DATO'SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH
AHMAD

[KAN GAR]

SHEIKH

TARIKH 5 APRIL 2011
SOALAN

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah satu kajian dibuat mengenai keberkesanan sistem penapis air yang digunakan sekarang kerana bekalan air yang sedia ada telah pun dijamin bersih oleh syarikat operator air negeri yang dikatakan menepati standard antarabangsa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa, satu kajian awal terhadap kesan kualiti air terawat setelah melalui penapis air telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di beberapa lokasi terpilih di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya. Berdasarkan kajian tersebut, adalah didapati tiada perbezaan ketara bagi kandungan bahan kimia yang dianalisa yang terdapat dalam air terawat sebelum dan selepas melalui penapis air berkenaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dimaklumkan juga bahawa, KKM tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menghalang, memperaku atau meluluskan penggunaan penapis air. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna penapis air perlu memastikan penapis air tersebut diselenggara mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pembekal bagi mengelakkan pertumbuhan bakteria atau pengumpulan pepejal yang boleh menyebabkan kualiti air yang ditapis tercemar.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN DING KUONG HIING

KAWASAN : SARIKEI

TARIKH : 5 APRIL 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang mengambil alih Jambatan Lanang yang dibiayai sepenuhnya oleh syarikat swasta; dan
- (b) jika tidak, nyatakan sebab. Jika ya, nyatakan usaha-usaha Kementerian dalam pengambilalihan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek pembinaan Jambatan Batang Rajang Upper Lanang, Sarawak telah dibina menerusi kontrak penswastaan melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak dengan sebuah syarikat swasta.

Jambatan sepanjang 1.2 kilometer itu telah siap dibina pada 11 April 2006 dengan kos projek sebanyak RM 180 juta. Menerusi perjanjian konsesi yang telah dimeterai dengan Kerajaan Negeri, syarikat swasta terlibat dibenarkan untuk mengutip tol di jambatan tersebut untuk tempoh konsesi selama 30 tahun. Sehubungan itu, memandangkan projek ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, cadangan untuk mengambil alih atau menghapuskan kutipan tol adalah di luar bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya bersedia untuk berunding bagi tujuan tersebut jika dipohon oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 66

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN
TARIKH	TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)
SOALAN	5 APRIL 2011 Tuan Liang Teck Meng minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan Dasar Jaminan Bekalan Makanan untuk tahun 2011 dan seterusnya. Adakah Kementerian akan membayar subsidi di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan untuk tahun 2010 yang masih tertunggak kepada golongan petani, penternak dan nelayan.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Krisis bekalan makanan global yang berlaku pada bulan April tahun 2008 telah menyebabkan harga makanan di pasaran antarabangsa meningkat secara mendadak. Hal ini telah menimbulkan kerisauan di kalangan rakyat berhubung bekalan makanan di pasaran.

Bagi memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi, Kerajaan telah

memperkenalkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) bagi tempoh 2008 hingga 2010. Setelah meneliti impak dasar berkenaan terhadap

peningkatan pengeluaran padi, Kerajaan secara dasarnya bersetuju NO SOALAN: 67 supaya Program Jaminan Bekalan Makanan (PJBM) tahun 2011 dilaksanakan bagi subsektor padi. Bantuan di bawah program ini terdiri **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** daripada pemberian input-input pertanian seperti baja NPK tambahan, racun kawalan makhluk perosak, kapur dan bantuan mekanisasi ladang.

PERTANYAAN
Bagi pelaksanaan program tersebut untuk tahun 2012 dan seterusnya, pihak Kerajaan akan membuat pertimbangan yang sewajarnya berdasarkan kepada keperluan semasa.

Sementara itu, Kementerian sedang mengambil langkah bagi mengatasi masalah pembayaran tunggakan di bawah DJBM tahun 2010.

DARIPADA : JAWAB LISAN
TARIKH : TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU] :
5 APRIL 2011 (SELASA)
SOALAN

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhajat dan telah merancang untuk memansuhkan bayaran tol di semua lebuh raya secara berperingkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk memansuhkan bayaran tol di semua lebuh raya dan akan terus menghormati setiap perjanjian penswastaan lebuh raya yang telah ditandatangani dengan semua syarikat konsesi. Ini bertujuan untuk memberi keyakinan kepada pelabur dalam dan luar Negara bahawa Kerajaan akan memenuhi setiap obligasi yang telah dibuat sebelum ini. Namun begitu, Kerajaan bersikap terbuka kepada mana-mana syarikat konsesi lebuh raya yang ingin mengemukakan cadangan penstrukturran semula kadar tol sedia ada bagi lebuh raya masing-masing sebagai satu inisiatif/langkah untuk mengurangkan beban pengguna.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN: 67
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KUUM
BANDAR BARU]

TARIKH 5 APRIL 2011

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan dan langkah yang diambil berkaitan beberapa kenyataan beberapa orang Menteri dan pemimpin komponen Barisan Nasional (bukan Islam) yang jelas menghina dan memperlekeh amalan dan syariat Islam seperti isu berkaitan azan dan pendirian calon PAS bagi PRK Tenang baru-baru ini yang enggan bersalam dengan lelaki ajnabi.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berpandangan bahawa isu ini adalah menyentuh sensitiviti umat Islam. Perkara ini boleh diselesaikan secara penuh hikmah dengan memberi penjelasan kepada mereka agar isu-isu yang berkaitan dengan sensitiviti umat Islam tidak disentuh oleh pihak bukan Islam agar perpaduan kaum dapat dijaga dan dipelihara daripada perpecahan yang akhirnya merugikan negara kita sendiri.

Sekian, terima kasih.